



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

20 21



LAPORAN TAHUNAN 2021

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Cetakan Pertama 2024

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan LHDNM 2021

Reka Bentuk Kulit : Bahagian Perhubungan Awam & Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat

Diatur huruf oleh : Bahagian Perhubungan Awam & Multimedia, Jabatan Khidmat Korporat

Rupa taip teks : DIN

Saiz taip teks : 9/10 pt

Dicetak oleh :

Precious Print Sdn Bhd. (1003101-D)

No.28, Jalan SC 5/B,

Pusat Perindustrian Sg Chua,

43000 Kajang, Selangor

Tel : 03-87403249

KANDUNGAN

4	PERUTUSAN PENERUSI ANGGOTA LEMBAGA
9	PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
14	PROFIL LHDNM
16	FUNGSI LHDNM
18	KUASA LHDNM
20	BUDAYA KORPORAT
22	PIAGAM PELANGGAN
27	NILAI TERAS
29	KEANGGOTAAN LEMBAGA
32	PENGURUSAN ATASAN
35	CARTA ORGANISASI
38	PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
54	PENCAPAIAN LHDNM 2021
59	TERAS STRATEGIK
87	ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN
91	BANTUAN KHAS KERAJAAN
107	PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) HASIL PRIHATIN
115	PENYATA KEWANGAN
179	LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



Perutusan Pengerusi

Anggota Lembaga



YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON

Pengerusi
Anggota Lembaga
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tahun 2021 - Teguh Menempuh Cabaran

Tahun kedua negara dilanda krisis berkembar iaitu krisis ekonomi dan krisis kesihatan yang pertama seumpamanya di bumi bertuah ini, namun negara kekal teguh menempuh cabaran dan dugaan dengan iltizam dan ketangkasan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam mitigasi risiko dan pelan ekonomi yang berdaya tahan.

Tidak dinafikan bahawa pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberikan impak yang signifikan terhadap iklim ekonomi dunia dan sektor kesihatan global yang mana rata-rata negara di seantero dunia masih bergelut dengan krisis tersebut. Namun di sebalik khabar duka yang dibawa oleh pandemik ini pada setiap hari, sinar tetap muncul membawa suara harapan buat rakyat jelata yang menanti perubahan mampan menerusi inisiatif kerajaan dan peranan agensi kerajaan yang berkaitan.

Maka berbekalkan pengalaman dan keyakinan tersebut, kerajaan menjangkakan tahun 2021 merupakan tahun pemulihan buat Malaysia menerusi pelan-pelan pemulihan yang telah dirangka dengan tekad dan azam yang tidak

pernah padam. Namun demikian, di luar negara virus COVID-19 ini bermutasi dan impaknya sampai ke negara ini apabila negara dilanda gelombang jangkitan ketiga sehingga kes jangkitan harian COVID-19 mencecah lima angka.

Tangisan dan hiba anak-anak Malaysia yang kehilangan sanak saudara dan sahabat tercinta kerana virus durjana ini tidak dipandang sepi oleh kerajaan. Tiada istilah berputus asa dan kerajaan sentiasa mencari ikhtiar dan jalan keluar agar rakyat dapat hidup aman sentosa seperti sediakala.

Buktinya, Belanjawan 2021 yang diiktiraf sebagai antara belanjawan terbesar dalam sejarah negara dilihat berjaya membawa sinar harapan buat rakyat Malaysia. Hasilnya, pertumbuhan keseluruhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2021 meningkat sebanyak 3.1 peratus berbanding penguncupan sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020 yang lalu. Perkembangan positif ini banyak disokong oleh Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilihat mencapai objektif utamanya iaitu untuk membawa negara keluar dari kemelut pandemik yang mencengkam dibantu dengan keteguhan rakyat Malaysia yang kekal tabah menempuh cabaran ini.

Prestasi Tahun 2021

Selaku agensi kerajaan yang diamanahkan untuk melestarikan ekonomi negara menerusi aspek kutipan cukai langsung, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah memperkemas strategi pengutipan cukai dan tindakan pematuhan seiring dengan perkembangan semasa. Penjajaran semula strategi percukaian yang melibatkan aspek pendidikan, perkhidmatan dan penguatkuasaan dilihat berjaya mencapai objektif menerusi angka kutipan yang diterjemahkan. Buktinya LHDNM berjaya mengutip jumlah cukai langsung sebanyak RM144.10 bilion iaitu peningkatan RM7.07 bilion, atau 10.52 peratus lebih tinggi berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020. Angka kutipan tersebut merupakan cerminan dan refleksi usaha berterusan LHDNM yang mendokong hasrat kerajaan untuk membawa negara keluar dari kemelut pandemik ini menerusi jumlah kutipan cukai yang mampan. LHDNM secara keseluruhannya telah mencapai:

Strategi LHDNM	Proses Utama	Prestasi 2021
Penyumbang utama kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pematuhan sukarela	Kutipan Cukai	RM144.10 bilion @ 109.17%
	Fail Syarikat	Kes selesai 251,237 kes @ 128.94%
	Fail Perniagaan	Kes selesai 527,829 kes @ 125.14%
	Fail Individu Penggajian	Kes selesai 1,454,091 kes @ 127.50%
	Fail Majikan	Kes selesai 175,298 kes @ 149.70%
	Siasatan	Kes selesai 4,150 kes @ 162.68%
	Tunggakan Debit Tahun Sebelum	Pengurangan terkumpul RM6.691 bilion @ 146.12%
	Tunggakan Debit Semasa	Baki tunggakan 4.50% tidak melebihi peratus sasaran sebanyak 100% @ 106.12%
Pentadbir sistem percukaian yang diyakini rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pelanggan	Bayaran Balik	Kes selesai 99.81% daripada permohonan diterima @ 110.90%
	Taklimat Pendidikan Dan Kesedaran Cukai	Sejumlah 669 taklimat telah dilaksanakan @ 145.43%
	Indeks Kepuasan Pelanggan	Sejumlah 99.88% responden mencapai tahap kepuasan @ 110.98%
Sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada kecemerlangan organisasi	Kecekapan Kos Pungutan	Pencapaian kos pungutan pada RM1.67 @ 122.16%
	Perkhidmatan ezHasil	Mencapai 100% tahap kesediaan sistem @ 106.00%
LHDNM sebagai majikan pilihan dengan bidang keberhasilan - fokus kepada institusi mampan	Indeks Kepuasan Bekerja	Mencapai 96.80% tahap kepuasan bekerja @ 113.88%

Sumber - Jabatan Operasi Cukai

BELANJAWAN 2022

Belanjawan 2022 yang bertemakan “Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera” dirangka dengan penuh iltizam dan tekad yang bulat hasil sumbangan dan sesi libat urus melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, kumpulan fokus termasuk cadangan daripada rakyat jelata merentas bangsa dan budaya. Hasil sinergi dan keterbukaan dasar kerajaan ini telah berjaya dimanifestasikan dalam Belanjawan 2022 yang menjadi saksi kepada Tiga Paksi Utama Belanjawan iaitu memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan. Matlamat Bajet 2022 kekal dengan tiga Fokus Induk iaitu :

- 1. Rakyat Yang Sejahtera**
- 2. Perniagaan Yang Berdaya Tahan**
- 3. Ekonomi Yang Makmur dan Mampan**

Belanjawan 2022 ini diadun sebaiknya oleh kerajaan dengan mengambil kira pandangan semua pihak untuk diperkemas dan dilengkapkan sebagai kesinambungan daripada pakej-pakej bantuan dan program rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini.

Bermula dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), kemudiannya PRIHATIN PKS Tambahan dan diikuti dengan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN), Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan dan yang terkini adalah pakej Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) membuktikan usaha dan komitmen berterusan kerajaan dalam Belanjawan 2022 kali ini.

Belanjawan 2022 dengan peruntukan sejumlah RM332.1 bilion ringgit yang menyaksikan nilai peruntukan tertinggi dalam sejarah negara dilaksanakan dengan penumpuan kepada strategi jangka pendek yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Fokus kerajaan adalah untuk membantu rakyat yang terkesan walaupun sektor ekonomi telah dibuka sedikit demi sedikit.

Dasar kerajaan yang mengekalkan kelonggaran sekatan pergerakan dijangka akan dapat merancakkan ekonomi domestik dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Hal ini juga disokong dengan program vaksinasi yang berterusan dengan pemberian dos penggalak yang meningkatkan lagi sentimen perniagaan dan pelaburan. Menerusi keterangkuman strategi dalam belanjawan ini, kerajaan mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara untuk tahun 2022 iaitu di antara 5.5 peratus dan 6.5 peratus. Unjuran ini selari dengan unjuran yang dibuat oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia dengan unjuran masing - masing pada 5.7 peratus dan 5.8 peratus.

Cabaran Masa Mendatang

Tempoh dua tahun yang berlalu ini merupakan tempoh getir buat negara khususnya dan rakyat umumnya. Di sebalik musibah yang melanda negara, teras kepimpinan yang kekal utuh dan berdaya tahan menjadi kunci kepada negara untuk pulih daripada impak pandemik COVID-19 ini. Malah kerajaan yakin dan percaya bahawa negara akan dapat keluar daripada krisis ini tidak lama lagi. Dengan kadar vaksinasi yang tinggi di negara ini iaitu hampir 100 peratus penduduk dewasa dan lebih 50 peratus remaja telah divaksinasi, ia pastinya akan menjadi isyarat dan sentimen positif buat komuniti perniagaan dalam dan luar negara. Apa yang menjadi keutamaan pada ketika ini adalah tumpuan penuh kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara dengan meneroka peluang-peluang baharu yang tersedia impak daripada pandemik COVID-19 ini.



Teruskan Kecemerlangan Hasilian

Kejayaan tidak akan datang bergolek dan terbang melayang, ia menuntut dedikasi, pengorbanan, kesungguhan dan sinergi yang kukuh serta persefahaman yang jitu diadun dengan semangat muafakat dalam segenap lapisan warga kerja LHDNM. Sudah cukup lama organisasi ini berjasa kepada nusa dan bangsa dengan membawa sejumlah hasil pendapatan dari cukai yang dikutip kepada kerajaan untuk dipulangkan semula kepada rakyat jelata tanpa mengira bangsa, agama dan juga budaya.

Malah tempoh 25 tahun penubuhan LHDNM merupakan satu angka yang cukup signifikan kepada pembangunan negara. Setiap kejayaan yang dilakar adalah seiring dengan perkembangan semasa negara mencerminkan penjajaran strategi percukaian yang berkesan. Malah saya percaya bahawa LHDNM akan sentiasa memperkemas strategi percukaian mereka dalam usaha memastikan hasil pendapatan negara dapat dilestarikan dan dipertingkatkan dari masa ke masa.

Kepada Hasilian, saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas semangat juang dan dedikasi yang ditunjukkan selama ini. Tanpa usaha berterusan daripada anda semua, kerajaan tidak akan mampu melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan menyalurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

Maka saya menyeru kepada semua Hasilian agar dapat menjadikan kejayaan hari ini sebagai pemangkin untuk kejayaan hari esok agar negara terus maju dan dalam acuannya yang tersendiri hasil daripada kerja keras Hasilian semua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah juga saya rakamkan kepada semua barisan Anggota Lembaga dan Pengurusan Tertinggi LHDNM atas pencapaian yang membanggakan ini. Sesungguhnya kejayaan ini tidak akan terealisasi tanpa visi dan misi jelas serta kepimpinan cemerlang yang ditonjolkan oleh pihak Anggota Lembaga dan barisan Pengurusan Tertinggi LHDNM. Insya-Allah bagi pihak LHDNM, saya akan memastikan sistem percukaian negara akan terus berkembang dan berdaya tahan seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Akhir sekali dan yang paling utama adalah jasa para pembayar cukai semua yang sentiasa patuh dan melaporkan pendapatan mereka pada setiap tahun. Tanpa bayaran cukai daripada para pembayar cukai ini, mungkin negara ini tidak akan maju, makmur dan sentosa sebagaimana yang dikecapi sehingga ke hari ini. Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada kemajuan dan kejayaan negara Malaysia pada hari ini.

Terima kasih pembayar cukai semua!



Perutusan Ketua

Pegawai Eksekutif



YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Laporan Tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2021 ini berjaya diterbitkan. Pelbagai pencapaian dan kejayaan LHDNM dirakam menerusi penerbitan ini untuk paparan semua.

Pencapaian LHDNM

Tahun 2021 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi dan jayanya. Buktinya, sehingga 31 Disember 2021 jumlah keseluruhan cukai langsung yang berjaya dikutip ialah RM144.109 billion, iaitu RM12.082 billion lebih tinggi berbanding sasaran Kementerian Kewangan Malaysia sebanyak RM132 billion atau 17.04% lebih tinggi berbanding pencapaian tahun 2020 yang berjumlah RM123.104 billion.

Walaupun negara masih dibelenggu dengan impak negatif pandemik COVID-19 yang berpanjangan dan diburukkan lagi dengan musibah bencana alam iaitu banjir besar yang turut menjejaskan kegiatan ekonomi negara khususnya beberapa buah negeri di Lembah Klang yang merupakan antara penyumbang utama kepada kutipan cukai langsung.

Berkat perancangan yang rapi dan gerak kerja berpasukan yang berkesan, Hasilian berjaya membuktikan bahawa tiada yang mustahil untuk dicapai. Seluruh Hasilian berterusan mempamerkan komitmen yang tinggi dalam memacu keunggulan LHDNM. Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah merealisasikan pencapaian cemerlang LHDNM. Penuh kecekalan, kesatuan dan dengan izin-Nya kita berjaya melalui perjalanan 2021 dengan suasana pencapaian yang terbaik.

Cabaran Tahun 2021 & Strategi Kutipan

Forum On Tax Administration Risk Management Community of Interest di bawah OECD telah mengenal pasti sebelas (11) cabaran umum utama yang dilihat boleh menggugat pengurusan dan pentadbiran percukaian. 11 cabaran tersebut adalah :

a. Ketidakpatuhan Dan Penipuan Cukai (Tax Non Compliance and Fraud) melibatkan isu-isu pematuhan seperti pembayar cukai tidak membayar cukai sepatutnya, gagal membayar cukai dalam tempoh, mengambil kesempatan ke atas kelompongan perundangan (legal loopholes), isu-isu bayaran balik, isu-isu pelarian dan pengelakan cukai serta hal ehwal percukaian antarabangsa.

b. Ekonomi Bayangan (Shadow Economy) antaranya aktiviti e-Dagang terutamanya *Gig Economy*, ekspatriat atau golongan profesional daripada luar negara, warga asing yang menjalankan perniagaan dan pengeluaran wang keluar daripada Malaysia oleh warga asing.

c. E-Dagang dan Pendigitalan (e-Commerce and Digitalisation) ekonomi yang semakin rancak susulan pandemik COVID-19. Sebagai contoh, *bitcoin* telah mencapai nilai tertinggi melebihi USD20,000 pada Disember 2020.

d. Penguatkuasaan Undang-Undang Cukai (Enforcement of the Tax Law) yang lemah antaranya tindakan penguatkuasaan kurang dilakukan berikutan pemantauan cukai yang lemah, siasatan dan pendakwaan tidak mencapai objektif dan ketidakmampuan memungut hutang cukai sepenuhnya.

e. Globalisasi (Globalisation) di mana LHDNM perlu meningkatkan daya saing serta mendepani isu-isu antarabangsa dengan lebih kompetitif agar negara tidak kehilangan hak mencukai ke atas sebarang pendapatan, sekali gus mengekang sebarang ketirisan hasil kepada negara.

f. Kesenambungan Operasi (Continuity of Operations) merujuk kepada ketidakmampuan pentadbir cukai meneruskan operasi lanjutan gangguan faktor - faktor luar kawal.

g. Strategi Siber dan Data (Cyber and Data Strategy) di mana LHDNM perlu bersedia menghadapi ancaman keselamatan siber melalui pembangunan strategi dan data - data yang bersesuaian bagi menjamin kelangsungan operasinya.

h. Teknologi Maklumat (Information Technology) iaitu keupayaan Teknologi Maklumat (ICT) di sesebuah pentadbir cukai di mana tindakan automasi dan mendigitalisasikan semua proses kerja di LHDNM terutama percukaian serta penyampaian perkhidmatan perlulah dioptimumkan.

i. Penyampaian Perkhidmatan (Service Delivery to Taxpayers) memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik sentiasa diberikan kepada pembayar cukai, walaupun dalam persekitaran yang mencabar khususnya dalam tempoh pandemik ini.

j. Kepercayaan dan Reputasi (Reputation and Trust) iaitu keupayaan membina kepercayaan dan reputasi di mata masyarakat terhadap pengurusan dan pentadbiran sistem percukaian.

k. Pemantapan Modal Insan (Human Capital) melalui peningkatan pembangunan kapasiti dan latihan kepada pekerja.

Menyedari semua cabaran ini, LHDNM telah mempersiapkan diri dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi khusus untuk memenuhi sasaran kutipan cukai langsung yang ditetapkan oleh kerajaan bagi tahun 2021. Antara inisiatif dan strategi yang telah dilaksanakan termasuklah :

a. Meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela melalui A.E.S iaitu *Awareness*

(Kesedaran Cukai), *Education* (Pendidikan Cukai) dan *Services* (Perkhidmatan Cukai).

b. Menggiatkan usaha mendekati pembayar cukai melalui aktiviti 'turun padang' dalam siri libat urus bersama agensi - agensi kerajaan, persatuan - persatuan perniagaan dalam pelbagai industri, pertubuhan - pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan sebagainya bagi mendengar denyut nadi rakyat untuk memberikan perkhidmatan cukai yang terbaik menerusi tadbir urus yang adil, telus, profesional dan mesra pelanggan.

c. Melaksanakan pengauditan syarikat -syarikat secara berkumpulan bagi memastikan pemantauan dan semakan transaksi dilaksanakan secara menyeluruh untuk mengelak isu - isu pematuhan cukai seperti pindahan harga (transfer pricing) dan perancangan cukai agresif dari berlaku.

d. Menangani percukaian agresif dalam kalangan syarikat - syarikat multinasional, *Non - Resident Companies, Government Linked Companies, Public Listed Companies* dan industri -industri khas seperti petroleum, perbankan dan insurans melalui kolaborasi secara tersusun dan sistematik cawangan khas iaitu Cawangan Pembayar Cukai Besar, Cawangan Industri Khas, Cawangan Tidak Bermastautin dan Cawangan Cukai Multinasional.

e. Memastikan pegawai-pegawai audit dan siasatan mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) masing-masing setiap bulan seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Siasatan, Jabatan Operasi Khas dan Jabatan Tindakan Khas. Kes-kes hendaklah diselesaikan pada setiap bulan bagi memastikan selari dengan sasaran kutipan bulanan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan

f. Strategi kutipan ditetapkan mengikut KPI bulanan di mana Pengarah Negeri dan Cawangan hendaklah memastikan KPI pungutan berjaya dicapai dalam bulan seterusnya tanpa berlakunya pengumpulan tunggakan.

Hasilnya, kutipan cukai bagi tahun 2021 mencatatkan peningkatan sebanyak 17 peratus

kepada lebih RM140 bilion berbanding tahun sebelumnya. Prestasi cemerlang ini merupakan kejayaan membanggakan kerana hasil kutipan cukai menyumbang kepada hampir separuh jumlah pendapatan negara.

Kejayaan yang amat membanggakan ini merupakan usaha transformasi LHDNM yang merentasi 28 perkhidmatan percukaian secara dalam talian dan enam aplikasi digital di bawah pendekatan 'Go Digital For Future Services'.

Ketangkasan LHDNM dalam mengadaptasi keperluan pendigitalan jelas sekali memudahkan urusan percukaian seperti digambarkan melalui Statistik Percukaian Hasil yang menunjukkan peningkatan *trend* pematuhan cukai dari tahun ke tahun.

Kutipan cukai langsung mengikut komponen berbanding tahun 2020 adalah seperti di Jadual 1:

Melangkah Ke Tahun 2022

Dalam mengatur strategi ke arah peningkatan kutipan cukai setiap tahun, LHDNM mengambil inisiatif berpandukan ketetapan yang telah terangkum dalam Pelan Korporat LHDNM 2021 – 2025 berdasarkan empat (4) teras strategik.

Teras Pertama memberi penekanan terhadap **pematuhan cukai secara sukarela** yang tinggi menggunakan pendekatan *Awareness, Education* dan *Services* (A.E.S) berlandaskan trend terkini. Inisiatif yang dilaksanakan pada tahun ini memberi tumpuan kepada penganjuran program pendidikan dan kesedaran percukaian yang berterusan yang turut melibatkan bakal pembayar cukai. Selain itu, program libat urus bersama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk pemain industri serta badan bukan kerajaan (NGO), pemerkasaan kaedah pematuhan cukai terutamanya melibatkan kes-kes ketidakpatuhan dan perluasan liputan ekonomi bayangan dengan menjalankan aktiviti profiling berskala besar menggunakan aplikasi GeoHASiL turut dilaksanakan di bawah teras ini.

Jadual 1: Perbandingan Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen

Komponen Cukai Langsung	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	Peratus (%)
Syarikat	86,989.03	56,165.45	54.88
Petroleum	11,569.86	12,771.54	(9.41)
Individu	33,890.72	43,453.12	(22.01)
Koperasi	141.76	58.65	141.71
Duti Setem	6,339.86	5,505.76	15.15
Cukai Pegangan	3,035.47	2,992.94	1.42
CKHT	1,803.17	1,687.48	6.86
Aktiviti Perniagaan Labuan	289.24	421.49	(31.38)
Lain-lain*	50.23	47.48	5.79
JUMLAH	144,109.36	123,103.91	

Seterusnya, Teras Kedua pula memfokuskan kepada mutu **penyampaian perkhidmatan berorientasi pelanggan** yang berkait langsung dengan pelanggan utama LHDNM iaitu pembayar cukai. Ia disokong dengan pemerkasaan platform MyTax yang menjadi gerbang kepada semua perkhidmatan digital LHDNM dan pemantapan perkhidmatan dalam talian melalui sistem e-janji temu yang memudahkan pelanggan yang ingin berurusan secara terus dengan pegawai LHDNM. Pendekatan yang diambil ini juga penting bagi memastikan reputasi serta imej LHDNM sentiasa berada di tahap optimum dengan pemantapan sistem tadbir urus dan kawalan dalaman.

Berikutnya adalah **pengurusan sistem dan proses kerja yang efektif dan efisien** dengan melaksanakan tindakan automasi ke atas perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Transformasi Hasil. Selain itu, perekaayaan prosedur kerja diperkembangkan dengan pemantapan operasi pengurusan insan dan pemerkasaan program audit, siasatan, profiling serta prosedur operasi standard (SOP) pentadbiran percukaian sebagaimana tertakluk di bawah Teras Ketiga.

Hasil merupakan tonggak utama dalam memastikan semua perancangan dan proses kerja berjalan lancar. Seiring dengan Teras Keempat iaitu **Pengurusan Organisasi Dinamik dan Berprestasi Tinggi**, pelbagai kaedah telah diambil bagi mendukung hasrat organisasi untuk menjadi pentadbir cukai terunggul. Ini amat penting dalam mempersiapkan Hasil yang lebih berdaya saing, fleksibel dan berprestasi tinggi sekali gus menjadikan organisasi ini kekal relevan dalam lapangan yang diamanahkan oleh kerajaan, terutamanya dalam persekitaran yang serba mencabar ini.

Pengiktirafan

LHDNM sebagai badan pemungut tunggal cukai langsung negara di Malaysia bagi pihak kerajaan sentiasa berusaha memberikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Keberkesanan dalam pengoperasian LHDNM terutamanya sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dalam tahun 2021 ternyata berhasil apabila menerima pengiktirafan *Gold Medal Award* dalam program penganugerahan *Public Service Innovation Awards (PSIA) 2021*, bagi sistem MyTax.

Pencapaian ini diserikan lagi dengan kejayaan LHDNM menerima pensijilan ISO 22301:2019 untuk skop Sistem Kesyukuran Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Bayaran, Bayaran Balik Cukai Pendapatan Syarikat. Strategi tadbir urus LHDNM turut membuahkan hasil dengan penganugerahan Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 oleh Jabatan Audit Negara. Pencapaian ini berjaya dikekalkan oleh LHDNM untuk 19 tahun berturut-turut.

Penghargaan Dan Harapan

Kejayaan yang ditempa ini seharusnya diraikan secara bersama kerana ia adalah kerja berpasukan oleh semua pihak. Komitmen dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi yang ditunjukkan oleh Hasil membuktikan bahawa LHDNM sentiasa bersemangat dan komited dalam mendokong visi dan misi organisasi. Ini adalah selari dengan tema *Embracing New Challenge New Paradigm* yang tersemat kukuh dalam diri setiap Hasil untuk sama-sama mendokong aspirasi kerajaan dalam memperkasakan ekonomi negara di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik buat rakyat amnya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan Malaysia, Pengerusi Anggota Lembaga, Barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi dan Hasil yang terdahulu dan kini yang penuh dedikasi, berintegriti serta profesional. Saya yakin LHDNM akan terus meningkatkan keupayaannya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan kerajaan walau pun terpaksa memungut cukai dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global dan pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir.

Semoga kita terus teguh, kental dan diberi kekuatan menggalas amanah demi merealisasikan harapan semua pihak kepada kita sekali gus mengharumkan nama organisasi sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.



Profil
LHDNM

Profil LHDNM

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDNM), ia diperbadankan pada 1hb Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut :

- Akta Cukai Pendapatan 1967;
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976,
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986,
- Akta Setem 1949; dan
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.



Fungsi

LHDNM

Fungsi LHDNM

- Untuk bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara kerajaan dengan lembaga;
- Untuk menasihati kerajaan mengenai perkara-perkara berhubungan dengan percukaian dan menghubungi kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut;
- Untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan perkara - perkara yang berhubungan dengan percukaian;
- Untuk melaksanakan apa - apa fungsi lain yang diberi kepada lembaga oleh mana - mana undang-undang bertulis lain; dan
- Boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana - mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.



Kuasa
LHDNM

Kuasa LHDNM

- Membuat kontrak;
- Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih dengan cara yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut;
- Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendiria atau bersama-sama dengan organisasi lain atau agensi antarabangsa bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik;
- Memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain;
- Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga;
- Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga;
- Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi dan kegiatan yang berfaedah untuk kebajikan pekerja Lembaga;
- Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya membiayai latihan tersebut; dan
- Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya.



Budaya

Korporat

Budaya Korporat



VISI

Pentadbir Cukai Terunggul yang Menyumbang Kepada Pembangunan Negara



MISI

Memberikan perkhidmatan percukaian yang cemerlang dengan:

- i. Mempertingkatkan pematuhan sukarela;
- ii. Melaksanakan sistem percukaian berintegriti dan telus;
- iii. Meningkatkan keberkesanan operasi melalui inovasi proses dan teknologi maklumat; dan
- iv. Memantapkan tenaga kerja kompeten.



OBJEKTIF

Melaksanakan Sistem Percukaian Yang Berkesan, Adil Dan Saksama



SLOGAN

Bersama Membangun Negara



DASAR KUALITI

Berteraskan Integriti, Kami Komited Memberikan Perkhidmatan Yang Terbaik Untuk Pelanggan



MOTO PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Terbaik Untuk Anda



Piagam Pelanggan LHDNM

Piagam Pelanggan LHDNM

Kami komited untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Secara berterusan serta memberikan layanan yang adil dan saksama dalam segala urusan berdasarkan piawaian berikut:

KOMITMEN LHDNM

Memberi perkhidmatan yang cekap dan profesional

PERKHIDMATAN KAUNTER BAYARAN		STANDARD
Penyediaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk Tahun Semasa	Menyediakan prasarana yang efisien untuk Pembayar Cukai mengemukakan BNCP	Ketersediaan sistem tidak kurang daripada 98%
Bayaran Balik	Penghantaran BNCP melalui:	Tempoh Bayaran Balik:
	a) e-Filing/m-Filing	30 hari bekerja dari tarikh penerimaan BNCP
	b) Melalui Pos atau Serahan Tangan	90 hari bekerja dari tarikh penerimaan BNCP
Maklum Balas Tindakan	Kaunter Setempat	Pelanggan dilayan dalam tempoh 15 minit
	HASiL Care Line	Menjawab panggilan semasa: a) Bukan waktu puncak dalam 1.5 minit b) Waktu puncak dalam 2 minit
	Borang Maklum Balas Portal HASiL	
	a) Pertanyaan Am	Maklum balas dalam tempoh 7 hari bekerja
	b) Pertanyaan yang memerlukan semakan lanjut	Maklum balas dalam tempoh 21 hari bekerja
	Surat, Faks dan E-mel	Akaun Penerimaan dikeluarkan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan

Surat Penyelesaian Cukai (SPC)	Pengeluaran Surat Penyelesaian Cukai (SPC)	
	a) Individu	14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan status taksiran yang telah dikemaskini dan tiada tunggakan cukai
	b) Syarikat	14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan status taksiran yang telah dikemaskini dan tiada tunggakan cukai
Perkhidmatan Duti Setem	Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah	
	a) Penghantaran Borang PDS 15 untuk penilaian	5 hari bekerja
	b) Pengeluaran Notis Taksiran dari tarikh penilaian diterima dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)	7 hari bekerja dari tarikh laporan penilaian diterima
	c) Pengesahan ke atas Surat Cara oleh Timbalan Pemungut Duti Setem	3 hari bekerja
	Selain Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah	7 hari bekerja
Audit	Penyelesaian Kes	4 bulan dari tarikh permulaan lawatan audit dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pembayar cukai

KOMITMEN LHDNM

Memberi perkhidmatan yang cekap dan profesional

PERKHIDMATAN		STANDARD	SASARAN
Perkhidmatan Penerimaan Bayaran	Layanan Kaunter	Pelanggan dilayan dalam tempoh 20 minit	75%
	Pengeluaran Resit Bayaran Cukai		
	a) Diterima di kaunter bayaran	Pada hari yang sama	100%
	b) Diserah tinggal	4 hari bekerja	75%
	c) Salinan Resit Rasmi/Surat Akuan Terima Bayaran	Diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima	75%
	d) Aduan masalah resit	Tindakan diambil dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima	75%
	ByrHasil	Pembukuan bayaran ke lejar Pembayar Cukai dalam tempoh 2 hari bekerja selepas hari transaksi	75%

HAK PEMBAYAR CUKAI

Hak pembayar cukai adalah sentiasa terpelihara

HAK-HAK PEMBAYAR CUKAI		KETERANGAN
1.	Menerima layanan sewajarnya	Semua pembayar cukai diberi layanan yang sama
2.	Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM	Pembayar cukai berhak membuat rayuan kepada LHDNM melalui Borang Q dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diterima
3.	Melantik wakil yang berkelayakan untuk menguruskan fail percukaian	Pembayar cukai berhak melantik wakil yang berdaftar untuk berurusan dengan LHDNM
4.	Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai	Sebarang keraguan mengenai pendedahan maklumat pembayar cukai perlu dirujuk kepada LHDNM terlebih dahulu


TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

Bagi membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memberikan perkhidmatan yang berkesan, anda bertanggungjawab:

TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI		KETERANGAN
1.	Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM	<ul style="list-style-type: none"> - Mendaftar sebagai pembayar cukai - Melaporkan pendapatan sebenar dan menuntut pelepasan/perbelanjaan atau potongan yang layak pada BNCP
2.	Mengemukakan BNCP, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan	Kegagalan pengemukakan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan denda atau penalti dikenakan
3.	Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik	Rekod dan dokumen perlu disimpan dalam tempoh minimum 7 tahun bagi tujuan semakan
4.	Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat	Pembayar cukai perlu memaklumkan LHDNM sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat dalam tempoh 3 bulan dengan mengemukakan notis bertulis kepada Ketua Pengarah LHDNM
5.	Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan	Kegagalan membuat bayaran boleh menyebabkan kenaikan atau penalti dikenakan. Tindakan undang-undang juga boleh diambil termasuk kebangkrapan, penggulungan syarikat, sekatan perjalanan ke luar negara atau kaveat harta
6.	Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM	<ul style="list-style-type: none"> - Pembayar cukai perlu mematuhi semua peraturan ditetapkan dan mengikut arahan yang diberi apabila berurusan dengan LHDNM - Pembayar cukai hendaklah memastikan maklumat yang diberikan adalah sah, benar dan tepat - Bersopan santun ketika berurusan dengan kakitangan LHDNM
7.	Mengemaskini maklumat	Pembayar cukai wajib mengemaskini maklumat melalui saluran yang disediakan seperti e-Kemaskini



**PIAGAM PELANGGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**



**Tertakluk kepada penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap*

HAK PEMBAYAR CUKAI	
Hak Pembayar Cukai adalah sentiasa terpelihara	
Hak-hak pembayar cukai	
1. Menerima layanan sewajarnya	
2. Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM	
3. Melantik wakil yang berkecuali untuk menguruskan fail percukaian	
4. Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai	
TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI	
Bagi membolehkan LHDNM memberikan perkhidmatan yang berkesan, anda bertanggungjawab :	
1. Melaporkan pendapatan cukai yang betul dan tepat	
2. Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan	
3. Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik	
4. Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat	
5. Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan	
6. Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM	
7. Mengemaskini maklumat	

**DATO' SRI DR SABIN BIN SAMITAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

DILANCARKAN PADA 24 JANUARI 2018



Nilai Teras

Nilai Teras

Hasilian berpegang kepada prinsip - prinsip moral yang ditetapkan oleh organisasi berdasarkan nilai-nilai yang sesuai dengan lunas undang - undang negara, sistem masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan untuk mencapai aspirasi organisasi.

HAPPY HASIL SENTIASA CERIA DAN SERONOK

Budaya *Happy At Work* dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi. Menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni.

Managing People dengan etika dan tatasusila yang baik dan sewajarnya.

Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat / KPI Korporat yang telah diterapkan.

TEAMWORK BEKERJA DALAM SATU PASUKAN

Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur, menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi. Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan.

PROFESSIONALISM DENGAN PROFESSIONAL

Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara. Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap.

INTEGRITY BERTERASKAN INTEGRITI

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited.

EXCELLENCE UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN

Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara.

HAPPY **TE**AMWORK **PROFES**SIONALISM **INTEGR**ITY **EXCEL**LENCE



Keanggotaan Lembaga

LHDNM

Keanggotaan Lembaga LHDNM



PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA

YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

ANGGOTA LEMBAGA

YBHG. TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



YBHG. DATUK MOHD NIZOM BIN SAIRI

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF /
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

YBHG. DATUK AZIAN BINTI MOHD AZIZ

PENGGUBAL UNDANG - UNDANG PERLIMEN
BAHAGIAN GUBALAN
JABATAN PEGUAM NEGARA





YBHG. DATUK DR. YACOB MUSTAFA

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

YBRS. ENCIK MOHAMMAD REEZAL BIN AHMAD

TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN (MAKROEKONOMI)
BAHAGIAN FISKAL & EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



YBHG. DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM

KONSULTAN SWASTA

YBHG. DATO' SRI (DR) ZUKRI SAMAT

KONSULTAN SWASTA



YBHG. TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR BIN HJ. MAHFAR

KONSULTAN SWASTA



Pengurusan Atasan

LHDNM

Pengurusan Atasan LHDNM

YBHG. DATUK MOHD NIZOM BIN SAIRI

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF /
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



YBHG. DATUK MOHD JAAFAR BIN EMBONG

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(DASAR)



YBHG. DATUK DR. SOTIMIN BIN MUHALIP

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(OPERASI PERCUKAIAN)



YBRS. ENCIK ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PEMATUHAN)



**YBRS. PUAN WAN RAMIZA BINTI
WAN GHAZALI**

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PENGURUSAN)


MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



Carta Organisasi LHDNM


Carta Organisasi LHDNM

JABATAN
AUDIT DALAM



PETUNJUK

- JABATAN / CAWANGAN KHAS / PKPE / APM
- NEGERI






**Penyataan
Tadbir Urus**
Korporat

Penyataan Tadbir Urus Korporat

Strategi Korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menetapkan program-program utama dalam Program Operasi Percukaian yang menjadi tonggak kepada pencapaian KPI LHDNM dan Pelan Korporat LHDNM 2021 – 2025 demi merealisasikan Visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam memastikan pelaksanaan program dengan telus dan berakauntabiliti, maka tadbir urus korporat adalah penting untuk memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa LHDNM merupakan sebuah pentadbir cukai yang mengamalkan governans yang baik dan berintegriti tinggi.



1.0 KEANGGOTAAN LEMBAGA

Anggota Lembaga LHDNM beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

1.1 KOMPOSISI KEANGGOTAAN

Subseksyen 6 (1) Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) menetapkan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti yang berikut:

- a. Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang hendaklah menjadi Pengerusi
- b. Ketua Peguam Negara atau wakilnya
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya
- d. Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
- e. Tidak melebihi dua orang wakil kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.
- f. Tidak melebihi daripada tiga orang wakil swasta yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Komposisi keanggotaan ini selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik dan memastikan keseimbangan kuasa dalam meningkatkan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk membuat keputusan yang bebas. Anggota Lembaga LHDNM terdiri daripada individu yang mempunyai pencapaian hebat, kemahiran yang pelbagai, kompeten, berpengalaman dan kebolehpercayaan untuk memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

1.2 PERANAN PENERUSI LEMBAGA DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pengerusi Lembaga berperanan dalam mengurus dan memberi kepimpinan kepada Anggota Lembaga untuk memutuskan perkara-perkara yang dibawa ke perhatian Lembaga dan memantau setiap keputusan Lembaga.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti ditetapkan di bawah Seksyen 134(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) iaitu menjaga dan mengurus cukai. Pada masa yang sama di bawah Seksyen 6A (1) Akta 533, Ketua Pegawai Eksekutif juga adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA - MLHDNM

MESYUARAT	TARIKH
MBL Bil. 1/2021	14 APRIL 2021
MBL Bil. 2/2021	29 SEPTEMBER 2021

1.4 JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan berdasarkan peruntukan statutori seksyen 12 Akta 533 yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan dalam Anggota Lembaga. Jawatankuasa tersebut adalah seperti yang berikut:

- a) Jawatankuasa Audit Lembaga
- b) Jawatankuasa Kewangan
- c) Jawatankuasa Pelaburan
- d) Jawatankuasa Pengurusan Insan Saraan 1
- e) Jawatankuasa Perolehan A dan B
- f) Jawatankuasa Tatatertib 1
- g) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga, diangkat terus ke Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara kolektif ini merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.

Tiga elemen penting yang memastikan tadbir urus cemerlang di LHDNM adalah melalui strategi berikut:

- > PENGURUSAN INTEGRITI
- > PENGURUSAN RISIKO
- > KAWALAN DALAMAN

2.0 PENGURUSAN INTEGRITI

2.1 INISIATIF INTEGRITI LHDNM

Bagi memperkasakan pengurusan integriti di LHDNM, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Antara inisiatif integriti LHDNM adalah seperti yang berikut:



2.1.1 Keberkesanan Inisiatif Integriti LHDNM

Keberkesanan inisiatif integriti yang telah dilaksanakan dapat diukur melalui prestasi berikut:



2.2 PELAN ANTI-RASUAH LHDNM

Pelan Antirasuah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PeARL) adalah satu dokumen utama LHDNM yang menggariskan tindakan bersepadu dalam memerangi rasuah di samping bertindak sebagai satu pelan antirasuah menyeluruh yang merangka strategi untuk mengurus risiko berkaitan rasuah di LHDNM. PeARL telah dilancarkan pada 1 November 2019 sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM tahun 2019. Pelancaran PeARL telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-rasuah Nasional (GIACC). Komposisi utama PeARL adalah Kerangka, Bidang Keutamaan, Strategi dan Objektif yang mengandungi sejumlah 76 inisiatif bagi membanteras gejala rasuah di LHDNM.

KERANGKA PeARL

VISI	Hasil Bebas Rasuah dan Salah Laku
MISI	Memperkuatkan integriti dan jati diri Hasil melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa
MATLAMAT	Tahap tinggi akauntabiliti dan kredibiliti serta kecekapan dan responsif dalam melaksanakan prosedur kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM

BIDANG KEUTAMAAN PeARL



STRATEGI PeARL

OBJEKTIF STRATEGIK PeARL

1. Merekayasa Perkhidmatan LHDNM Ke Arah Tadbir Urus Baik
2. Menggalakkan Ketelusan Dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan Dan Pelantikan Ke Mana-Mana Jawatan
3. Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan Dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai LHDNM Melalui Program Berdasarkan *Human Governance*
4. Memperkukuhkan Kerangka Perolehan LHDNM
5. Meningkatkan Ketelusan Perolehan LHDNM, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Antipersaingan
6. Meningkatkan Kecekapan Dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Penguatkuasaan Undang-undang Di LHDNM
7. Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi Dalam Penguatkuasaan Undang-undang
8. Memperkukuhkan Penguatkuasaan Undang-Undang
9. Memastikan Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM Yang Lebih Cekap Dan Komprehensif
10. Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM
11. Menangani Campur Tangan Pihak Berpengaruh Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan LHDNM

2.3 RUMUSAN

Pelaksanaan inisiatif PeARL bermula pada 1 Januari 2020 melibatkan Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dipertanggungjawabkan untuk memantau libat urus dari Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan.

PeARL dibangunkan menerusi perekrutannya 4 strategik, 11 objektif strategi dan pelaksanaan 76 inisiatif bagi mentransformasikan LHDNM ke arah organisasi yang berintegriti, bersih, dihormati dan bebas rasuah.


Keberkesanan pelaksanaan inisiatif PeARL dipantau dan dikaji secara berkala. Maklum balas, nasihat dan panduan diberi secara berterusan supaya selari dengan cabaran, perubahan serta keperluan Strategik Korporat LHDNM. PeARL diperkukuhkan oleh prinsip tadbir urus menerusi Jawatankuasa Anti-rasuah LHDNM bagi membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti sebagai suatu mekanisme untuk mengesan, mengenal pasti dan menilai tahap kecenderungan risiko rasuah di Jabatan/Negeri/ Cawangan/Cawangan Siasatan.

3.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

LHDNM sebagai sebuah pentadbir cukai terdedah kepada risiko strategik, risiko kewangan, risiko operasi dan risiko pematuan yang boleh menyebabkan objektif organisasi gagal dicapai. Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko memastikan keberkesanan amalan pengurusan risiko melalui pengawasan, pemantauan dan pelaksanaan pengurusan risiko selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.




3.1 STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO LHDNM

Pelaksanaan pengurusan risiko korporat di LHDNM mematuhi struktur tadbir urus pengurusan risiko di mana penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) dalam aspek Konsultasi dan Komunikasi dengan pemilik risiko dan pemilik proses dalam proses pendaftaran risiko dan mitigasi risiko. Proses pelaporan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, JIPR untuk membentangkan risiko utama yang memerlukan tindakan kawalan segera. Laporan kepada Pengurusan Atasan sebagai pemakluman dan penetapan dasar dalam pengurusan risiko manakala laporan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga memberi jaminan bahawa risiko tahap kritikal telah dikenal pasti dan tindakan kawalan risiko dalam tindakan pemilik proses atau pemilik risiko.



3.2 FUNGSI UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan melalui pemantauan, kawalan risiko dan tindakan pemulihan risiko. Pengurusan risiko LHDNM berada dalam tindakan kawalan yang teratur dan pelaksanaan pengurusan risiko adalah selaras dengan prinsip ISO 31000:2018. Pengurusan risiko di LHDNM dilaksanakan melalui tiga fungsi utama seperti yang berikut:

PENGURUSAN RISIKO KORPORAT (ERM)	PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM)	KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN (OSHE)
		
<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pengurusan risiko organisasi selaras dengan prinsip ISO 31000:2018. Mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif LHDNM serta memastikan tindakan kawalan risiko diambil untuk mengurangkan kebarangkalian dan impak risiko. 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kesinambungan dalam sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM yang merupakan barisan utama Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan. Melaksanakan PKP seperti yang termaktub di dalam ISO22301:2019 Business Continuity Management Systems (BCMS) dan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Tahun 2010. 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan di LHDNM selaras dengan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja dan pelawat daripada kemalangan dan penyakit pekerjaan yang berbangkit daripada aktiviti yang dijalankan.

3.2.1 PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

Membantu organisasi menguruskan risiko yang berkaitan dengan kawalan/ketidaktentuan dan risiko peluang/ prestasi yang wujud dalam aktiviti utama LHDNM.

AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

01 PENDAFTARAN RISIKO	02 PELAPORAN RISIKO	03 PEMANTAUAN PEMULIHAN RISIKO	04 KOMPETENSI DAN KOMUNIKASI
<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan Profil Risiko Korporat LHDNM menerusi Daftar Risiko oleh <i>Risk Care Officer (RCO)</i> di Sistem <i>i-RIS</i>. RCO sebagai wakil pemilik risiko di Jabatan/ PPN/ Cawangan/ Cawangan Siasatan bertanggungjawab mengenal pasti risiko dan mendaftar risiko. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan analisis risiko ke atas daftar risiko korporat. Penyediaan Profil Risiko Korporat Tahunan. Pembentangan laporan pengurusan risiko kepada : <ul style="list-style-type: none"> ✓ Jawatankuasa Pengurusan Risiko ✓ Pengurusan Atasan LHDNM ✓ Jawatankuasa Audit Lembaga ✓ Anggota Lembaga LHDNM 	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan Pelan Tindakan Pemulihan Risiko oleh Pemilik Proses dan Pemilik Risiko terutama ke atas risiko-risiko kritikal yang perlu diambil tindakan kawalan risiko dengan segera. Penyemakan semula dan penambahbaikan Manual Pengurusan Risiko dan SOP yang berkaitan dengan pengurusan risiko. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan latihan secara teori dan praktikal melalui bengkel bersemuka, edaran slaid informasi dan konsultasi melalui meja bantuan untuk pemerkasaan kompetensi RCO. Pembudayaan pengurusan risiko berterusan kepada pegawai melalui poster infografik dan perbincangan risiko di setiap peringkat dalam organisasi.

3.2.2 PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan/*Business Continuity Management* (BCM) membantu LHDNM menguruskan secara holistik berkaitan risiko dalam fungsi kritikal LHDNM dan impak ancaman risiko untuk memastikan perkhidmatan organisasi dapat diteruskan walaupun berlaku gangguan, bencana atau pandemik.

AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

1. PENGURUSAN PROJEK BCM

- Kajian dan semakan semula dijalankan ke atas Polisi BCM, Manual BCM, Pelan Tindakan Kecemasan, Pelan Komunikasi Krisis, Pelan Pemulihan Bencana IT dan lain-lain adalah dikemaskini selaras dengan keperluan surat araham MAMPU 2010, ISO22301:2019 BCMS dan amalan terbaik antarabangsa.
- Projek Pensijilan ISO22301:2019 BCMS LHDNM

6. PELAPORAN BCM

- Pemantauan insiden serta memberi panduan berkaitan kesinambungan perkhidmatan dan pemulihan semasa kejadian.
- Pelaporan dan pemakluman BCM kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

5. STRATEGI DAN PELAN BCM

- Memastikan sistem dan perkhidmatan kritikal semasa bencana dapat dipulihkan dan diteruskan dengan efisien
- Membangunkan pelan berkaitan BCM sebagai panduan dalam pemulihan bencana/krisis
- Program kerjasama dengan agensi luar seperti METMalaysia, CyberSecurity Malaysia, MKN, NADMA & lain-lain.



2. ANALISIS IMPAK PERKHIDMATAN (BIA) & PENILAIAN RISIKO (RA)

- Kajian BIA ke atas Jabatan, PPN, cawangan, CSI bagi fungsi kritikal perkhidmatan
- Kenal pasti impak ancaman ke atas perkhidmatan, premis, kakitangan dan sistem. Membuat penganalisan dan pengelasan risiko utama dan kenal pasti kawalan risiko

3. PROGRAM BCM

- Pemeraksanaan kompetensi RCO tentang BCM.
- Kesedaran BCM melalui poster/artikel infografik dan kuiz digital secara atas talian.
- Latihan dan Bengkel BCM kepada Jabatan / Cawangan.

4. SIMULASI BCM

- Pemantauan pengujian pelan untuk mengukur keupayaan mencapai *Recovery Time Objective* (RTO) yang ditetapkan.
 - ✓ Pelan Pemulihan Bencana ICT atau Disaster Recovery ICT (DR ICT).
 - ✓ Pelan Pemulihan Bencana Hasil Care Line (DR HCL).
 - ✓ Pelan Pemulihan Bencana Document Management System (DR DMS).
- Memantau Latihan Pelan Tindakan Kecemasan/Kebakaran organisasi.

3.2.3 PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN

Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) dilaksanakan selaras dengan pemantauan dan pengurusan risiko di LHDNM. Pelaksanaan aktiviti OSHE adalah seperti yang berikut:

AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN



3.3 RUMUSAN

Objektif pengurusan risiko di LHDNM adalah:

- Memudahkan Pengurusan Atasan dalam membuat keputusan strategik.
- Mengenal pasti risiko dalam aktiviti teras yang boleh menggugat pencapaian objektif LHDNM.
- Meminimumkan impak gangguan/bencana ke atas penyampaian perkhidmatan LHDNM dan memastikan kesinambungan perkhidmatan LHDNM berterusan ketika dilanda krisis.
- Melindungi dan mempertingkatkan imej serta reputasi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul.

Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus hasil cukai negara, peranan dan fungsi pengurusan risiko di LHDNM adalah penting. LHDNM perlu sentiasa bersiap siaga dalam mengurus risiko kerana LHDNM juga merupakan saluran kewangan utama kerajaan dan negara. Pengurusan risiko yang cekap perlu sentiasa berterusan bagi LHDNM kerana segala urusan tadbir negara dan program bantuan kerajaan kepada rakyat amat bergantung dengan hasil kutipan dari LHDNM di mana pengurusan percukaian yang cekap dapat mengurangkan bebanan pembayar cukai.

4.0 KAWALAN DALAMAN

LHDNM bertanggungjawab secara keseluruhannya untuk memastikan pengurusan kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan dalam mengurus risiko yang wujud dan seterusnya memacu kecemerlangan tadbir urus korporat LHDNM. Ini bertepatan dengan visi LHDNM untuk terus relevan menjadi Pentadbir Cukai Terunggul.

4.1 RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja kawalan dalaman LHDNM yang utama adalah berdasarkan *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO)* iaitu penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Lima (5) komponen utama COSO yang diadaptasikan di LHDNM adalah:



Kawalan dalaman adalah polisi dan prosedur yang diwujudkan untuk mengurus lima (5) perkara utama seperti yang berikut:



Tiga (3) jenis kaedah kawalan dalaman yang utama adalah: Pengesanan (Detective), Pencegahan (Preventive) dan Pembetulan (Corrective)



Kelima-lima barisan pertahanan ini perlu berfungsi dengan sempurna dan saling melengkapi dalam memastikan keberkesanan kawalan dalaman LHDNM.

4.2 JAMINAN MENGENAI KAWALAN DALAMAN


Sistem kawalan dalaman diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukannya untuk menghapus semua risiko. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberi jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukannya secara mutlak.

Keberkesanan *Rings of Governance* LHDNM adalah suatu proses berintegrasi dan berterusan serta dikawal selia oleh:

- Lembaga Pengarah LHDNM
- Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL)
- Jabatan Audit Negara Malaysia/Juruaudit Luar
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Jabatan Audit Dalam LHDNM dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko LHDNM

Jabatan Audit Dalam (JAD) menjalankan fungsi menilai semua polisi dan peraturan serta kawalan yang diwujudkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan diuruskan dengan sempurna dan berkesan pada kos yang munasabah. Tugas dan tanggung jawab JAD dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) memberi laporan secara bebas kepada JKAL di dalam memberi jaminan bahawa pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi. Laporan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL) ke atas kawalan dalaman LHDNM telah dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan JKAL seperti yang berikut:



JKAL juga membantu Lembaga Pengarah LHDNM menilai keberkesanan kawalan dalaman melalui:

- Pembentangan Laporan JKAL oleh Pengerusi JKAL kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun;
- Perakuan Profil Risiko Korporat LHDNM; dan
- Perakuan Penyata Kewangan LHDNM.

5.0 KESIMPULAN TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi Pengurusan Integriti, Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang berkesan melalui tindakan yang bertanggungjawab, telus, berakauntabiliti dan berhemat telah memastikan tadbir urus yang cemerlang di LHDNM. Keberkesanan tadbir urus tersebut meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap kecekapan LHDNM dalam melaksanakan dasar yang telah dimandatkan oleh kerajaan. LHDNM sentiasa berusaha gigih untuk mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan seterusnya menjadi agensi kerajaan yang utama dalam kutipan hasil untuk negara.



Pencapaian Prestasi

LHDNM 2021

Pencapaian LHDNM Tahun 2021

1.0 KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

PETUNJUK	2021	2020	2019
Kutipan Kasar (RM Bilion)	144.11	123.10	145.11
Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)	12.00	10.60	10.40
Hasil Persekutuan (RM Bilion)	*236.90	*227.27	*264.42
Peratusan Kutipan Kasar Atas Hasil Persekutuan (%)	60.83	54.17	54.88

* Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021

2.0 KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERSIH BERBANDING UNJURAN DISEMAK KERAJAAN

PETUNJUK	2021	2020	2019
Kutipan Bersih (RM Bilion)	144.11	112.50	134.71
Unjuran Disemak Kerajaan (RM Bilion)	*132.00	*115.11	*134.72
Peratusan Kutipan Bersih Atas Unjuran Disemak (%)	109.17	97.74	99.99

* Berdasarkan Tinjauan Fiskal Dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021

3.0 PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN

KOMPONEN / JUTA	2021	2020	2019
Syarikat	86,989.03	56,165.45	70,980.64
Petroleum	11,569.86	12,771.54	20,782.89
Individu	33,890.72	43,453.12	41,850.22
Koperasi	141.76	58.65	189.04
Duti Setem	6,339.86	5,505.76	6,212.83
Cukai Pegangan	3,035.47	2,992.94	3,060.90
CKHT	1,803.17	1,687.48	1,799.81
Aktiviti Perniagaan Labuan	289.24	421.49	181.86
Lain-lain*	50.23	47.48	51.99
JUMLAH	144,109.36	123,103.91	145,110.17

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

4.0 PRESTASI PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL (AKAUN BELUM TERIMA)

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 592,904 kes yang mempunyai tunggakan cukai telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Cawangan LHDNM. Pencapaian ini adalah meliputi 96.82% daripada baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM36.422 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan rekoveri seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrapan, penggulungan syarikat dan hapus kira cukai.

5.0 PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

JENIS BAYARAN	2021		2020		2019	
	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)
*Selain Syarikat	2,245,293	4,960	2,190,370	4,562	2,203,462	6,434
Syarikat	57,670	7,456	103,890	8,020	221,523	22,300

* Selain Syarikat termasuk Bayaran Balik Duti Setem

6.0 PUNGUTAN MELALUI POTONGAN CUKAI BERJADUAL (PCB) BERBANDING PUNGUTAN HASIL KESELURUHAN

PETUNJUK	2021	2020	2019
Pungutan Melalui PCB (RM Juta)	24,056.16	23,526.51	30,303.57
Pungutan Hasil (RM Juta)	144,109.36	123,103.92	145,110.17
Peratus Sumbangan (%)	16.69	19.11	20.89

7.0 PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN

TAHUN / (RM JUTA)	Seksyen 107A	Seksyen 109/109B	Seksyen 109C	Seksyen 109D	Seksyen 109E	Seksyen 109F	Bayaran Royalti Cukai Pegangan	Bayaran Faedah
2021	99.54	2,880.65	0.00	38.14	0.00	1.16	14.74	1.26
2020	160.69	2,776.78	0.02	37.25	0.00	1.64	14.75	1.51
2019	173.28	2,828.05	0.02	40.55	0.00	2.76	13.54	1.53

8.0 TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

TEMPOH	SEKSYEN 104		SEKSYEN 22	
	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)
Pendaftaran				
Kes Daftar sehingga 31.12.2020	118,481	5,320.21	8,175	170.11
Kes Daftar sehingga 31.12.2021	45,671	2,825.53	3,450	131.53
Jumlah	164,152	8,145.74	11,625	301.64
Pembatalan				
Kes Batal sehingga 31.12.2020	8,226	348.65	761	15.39
Kes Batal sehingga 31.12.2021	6,075	180.40	482	26.66
Jumlah	14,301	529.05	1,243	42.05
Jumlah Kes Berkuat Kuasa sehingga 31.12.2021	149,851	7,616.69	10,382	259.59

9.0 KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI

TAHUN / (RM Juta)	Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel	Kaunter Bank	Perbankan Internet	Lain-lain**	Jumlah
2021	15,545.36	28,460.33	100,103.66		144,109.35
2020	27,870.39	20,951.99	74,281.53	-	123,103.91
2019	46,816.29	22,468.90	75,824.98	-	145,110.17

* Kaunter bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

** Meliputi duti setem, duti harta pesaka, IOFC, pendaftaran perniagaan dan lain-lain.

10.0 PERBANKAN INTERNET

TAHUN	2021	2020	2019
Bilangan Pembayar Cukai	12,342,847	7,045,632	5,761,840
Amaun Dipungut (RM Juta)	100,103.66	74,281.53	75,824.97

11.0 ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

TAHUN	Anggaran CP204		Ansuran CP500	
	Penerimaan Borang	Anggaran Cukai (RM Juta)	Pengeluaran Borang	Ansuran Cukai (RM Juta)
2021	222,392	68,996.78	407,206	4,248.14
2020	219,906	52,796.81	394,715	4,254.82
2019	206,595	53,289.20	363,271	4,066.80

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat. Data diperolehi mengikut carian pada bulan Januari.

** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.



Teras Strategik

TERAS STRATEGIK 1

PEMATUHAN CUKAI SECARA SUKARELA

LHDNM adalah penyumbang utama hasil kerajaan bagi menjana pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat. Kedudukan kewangan negara yang kukuh menjamin keupayaan kerajaan mengurus keperluan rakyat dengan baik. Taraf sosioekonomi rakyat yang meliputi kos sara hidup, peluang pekerjaan, kemudahan pendidikan, jaminan keselamatan dan perkhidmatan kesihatan dapat ditingkatkan. Di samping itu, kemudahan infrastruktur yang lebih berkualiti juga dapat disediakan. Justeru itu, kekayaan dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. LHDNM komited untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesyukuran kutipan hasil yang memberangsangkan perlu dikekalkan melalui pelaksanaan objektif strategik yang telah dirancang iaitu meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, mengurangkan ketirisan cukai, memantapkan pengurusan hutang cukai dan membesarkan asas cukai. Pematuhan cukai secara sukarela dimaksimumkan dengan program pematuhan yang seimbang dan fokus berasaskan risiko, ketelusan dan sikap pematuhan pembayar cukai. LHDNM mempelbagaikan usaha memudahkan urusan percukaian serta mengurangkan kos pematuhan bagi pembayar cukai yang sentiasa bersedia untuk mematuhi tanggungjawab percukaian mereka.

Dalam usaha menjamin pelaksanaan cukai yang adil kepada semua, tindakan penguatkuasaan yang tegas dikenakan ke atas pembayar cukai yang enggan mematuhi undang-undang percukaian. LHDNM merancang dan menyasarkan aktiviti pematuhan menggunakan pendekatan pengurusan risiko yang mengambil kira punca dan akibat ketidakpatuhan cukai. Pengurusan hutang cukai diperkemas dengan memberi tumpuan kepada pencegahan hutang, mengenal pasti punca yang boleh menyebabkan keberhutangan dan melaksanakan kaedah kutipan hutang yang cekap dan berkesan.

Strategi memperluaskan asas cukai adalah penting demi memastikan kelangsungan kutipan hasil yang mampan. Oleh itu, LHDNM mengambil langkah meningkatkan kesedaran cukai melalui pemerkasaan aktiviti pendidikan cukai serta memantapkan perkongsian maklumat melalui jaringan kerjasama dengan agensi lain. LHDNM berusaha gigih bagi mengurangkan ketirisan cukai dalam usaha menyalurkan hasil yang cukup kepada kerajaan supaya dapat diberikan kembali kepada rakyat.

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : TAHAP KESEDARAN PEMATUHAN SUKARELA YANG TINGGI

Sebagai sebuah agensi yang sentiasa mendahulukan keperluan rakyat, LHDNM berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang mencakupi pelbagai sudut bagi memudahkan akses setiap pelanggan. LHDNM juga akan memastikan segala inisiatif yang diambil adalah selaras dengan perkembangan semasa, terutamanya dalam kepesatan penyaluran maklumat melalui media selain media arus perdana. Langkah proaktif perlu diambil bagi menjamin keberkesanan langkah-langkah ke arah pematuhan cukai secara sukarela dapat dicapai.

1.1 Pembangunan Bahan / Intervensi Pendidikan Dan Kesedaran Cukai Melalui Aplikasi Media Sosial

Jabatan Khidmat Korporat (JKK) merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam merangka serta melaksanakan program kesedaran dan pendidikan cukai yang berkesan kepada pelanggan LHDNM yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Pelbagai saluran digunakan dalam memastikan penyampaian maklumat percukaian ini adalah meliputi setiap golongan masyarakat dan komuniti, terutamanya pembayar cukai.

1.1.1 Program dan Aktiviti Kesedaran Cukai

Kapsul #eduzoneHASiL adalah program LHDNM yang berperanan dalam memberikan informasi kesedaran cukai secara santai di platform media sosial rasmi LHDNM. Tajuk-tajuk yang dipilih untuk dikongsi adalah menjurus kepada perkara yang sering mendapat perhatian dan memenuhi keperluan pembayar cukai, terutamanya dalam musim pelaporan cukai pendapatan.

Selain itu, Program Pengiklanan Korporat di pelbagai saluran media arus perdana dan alternatif turut dilaksanakan bagi menyebarkan hebahan berkaitan percukaian kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada pelbagai kategori pembayar cukai.

Dalam tahun 2021, pelbagai inisiatif diambil dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran cukai melalui aktiviti promosi percukaian di media sosial dan media massa melalui maklumat yang lebih mudah serta ringkas seperti dalam Jadual 1.

AKTIVITI KESEDARAN CUKAI	BIL. PELAKSANAAN
Promosi Percukaian dalam Semua Medium Terpilih (Portal dan Media Sosial LHDNM)	2,138 Promosi
Penyediaan Grafik untuk Hebahan Bercetak dan Digital	3,033 Grafik
Klinik Cukai di Bernama Radio	15 Slot
Program Wawancara Televisyen	16 Slot
Program Wawancara Radio (termasuk slot Kapsul Cukai)	68 Slot
Penerbitan Advertorial (bercetak dan dalam talian)	60 Penerbitan
Media Penyiaran:	
a) Televisyen	37,381 Promosi
b) <i>Digital Brand Integration</i>	23 Promosi
c) Radio	2,150 Promosi
d) Media dalam talian	716 Promosi
e) Media luar (<i>outdoor</i>) di 13 lokasi seluruh negara	2,526,495 Promosi
f) Iklan	55 Penerbitan
g) Penerbitan Video	5 Penerbitan

Pengiklanan Transit (Kenderaan Awam)	
a) Grab Car (jumlah perjalanan)	19,721 Kali
b) LRT : dalam tren dan di stesen	7,625 Terbitan
c) MRT : dalam tren dan di stesen	7,661 Terbitan
Penerbitan Penulisan	
Artikel Pihak Ketiga (bercetak dan dalam talian)	11 Artikel
<i>e-mail Blast</i> : Infografik Percukaian, Ucapan Hari Lahir dan Ucapan Perayaan Am	23 e-mel
Penerbitan e-Buletin Hasil secara <i>e-mail blast</i>	12 Terbitan

Jadual 1: Program dan Aktiviti Kesedaran Cukai Sehingga 31 Disember 2021

1.1.2 Program dan Aktiviti Pendidikan Cukai

Tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar dari segi pelaksanaan perkhidmatan memandangkan seluruh dunia masih bergelut dengan kemelut ekonomi penangan pandemik COVID-19 yang melanda sejak akhir 2019. LHDNM juga turut menerima tempiasnya sementara pelbagai program pendidikan cukai yang dirangka memerlukan pendekatan bersemuka. Namun, dengan adanya teknologi terkini, program tersebut dapat dilaksanakan secara maya. Taklimat dan seminar dapat dijalankan berkonsepkan webinar melalui aplikasi digital seperti MS Teams, Zooms dan sebagainya.

Selain daripada program-program yang dirancang, peningkatan permohonan penyampaian taklimat dan seminar secara dalam talian juga didorong oleh kekangan yang dihadapi pembayar cukai dalam usaha untuk memenuhi tanggungjawab percukaian mereka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih dilaksanakan di Malaysia.

Secara ringkas, berikut adalah program dan aktiviti pendidikan cukai yang dilaksanakan oleh JKK sepanjang tahun 2021:

AKTIVITI KESEDARAN CUKAI	BIL. PELAKSANAAN
Program Pendidikan Cukai secara Kolaborasi	10 Program
Kunjungan (Bersemuka/Maya) dengan IPT/Agensi	12 Kunjungan
Taklimat Berfokus di Seluruh Negara	636 Taklimat
Program Kesedaran Cukai kepada Bakal Pembayar Cukai	51 Program
Seminar dan Forum	13 Seminar

Jadual 2 : Program dan Aktiviti Pendidikan Cukai Sehingga 31 Disember 2021

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : PENJANAAN HASIL NEGARA DI TAHAP OPTIMUM

2.1 Memperkasakan Mekanisme Kutipan Hasil

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 592,904 kes yang mempunyai tunggakan cukai telah diambil tindakan oleh Unit Pungutan Cawangan LHDNM. Pencapaian ini adalah meliputi 96.82% dari baki kes tahunan yang mempunyai tunggakan dan perlu diambil tindakan dengan jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM36.422 bilion. Antara tindakan yang dilakukan adalah rundingan jadual ansuran bayaran, mengutip bayaran, mengeluarkan taksiran kurangan bagi rayuan pembayar cukai yang berjaya, tindakan rekoverti seperti pengeluaran perintah penahanan keluar negara, lantikan ejen kutipan, kaveat hartanah dan tindakan sivil di Mahkamah. Tindakan lanjut yang akan dilakukan bagi kes tunggakan adalah tindakan kebangkrapan, penggulungan syarikat dan hapus kira cukai.

2.2 Memperkasakan Mekanisme Kutipan Cukai

Dalam memperkasakan mekanisme pematuhan, Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) bertanggungjawab bagi memastikan tindakan pematuhan cukai diambil terhadap kes syarikat yang gagal mengembalikan Borang Nyata dalam tempoh. Bagi tahun 2021, jumlah tindakan audit diambil ke atas kes syarikat yang gagal mengembalikan Borang Nyata ialah sebanyak 62,880 kes. manakala tindakan mengeluarkan Notis Terakhir (FN) bagi kes syarikat gagal mengembalikan Borang Nyata bagi tujuan pendakwaan ialah sebanyak 8,342 kes.

Selain daripada itu, terdapat inisiatif-inisiatif yang diambil bagi memantapkan platform membendung ketirisan cukai. Beberapa program telah diadakan bagi Tahun 2021 bagi membantu pegawai mempertingkatkan pengetahuan dan mempercepatkan proses pelaksanaan audit secara efisien, efektif dan berkualiti seperti berikut:

- a) Program Pemantapan Aktiviti Audit dan Peningkatan Kemahiran Pegawai Audit;
- b) Program Pemantauan Audit (secara fizikal dan dalam talian);
- c) Program Pemantapan Kaedah Pengauditan e-payroll;
- d) Taklimat dan Latihan Audit Tools;
- e) Program Libat Urus bersama Cawangan yang dikawal selia; dan
- f) Sesi Knowledge Sharing: Anda Buntu, JPC Bantu yang telah diadakan sebanyak empat sesi.

LHDNM turut melaksanakan program-program bersama pembayar cukai dalam menggalakkan budaya pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat. Antaranya adalah:

- a) Kolaborasi bersama beberapa agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Persekutuan Majikan- Majikan Malaysia (MEF), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- b) Kerjasama strategik dengan enam (6) agensi luar/pihak ketiga bagi mendapatkan data peniaga e-dagang telah dibuat sepanjang tahun 2021.

Selain itu, dua (2) cawangan khas LHDNM iaitu Cawangan Industri Khas (CIK) dan Cawangan Cukai Multinasional (CCM) turut mengadakan sesi libat urus dengan beberapa agensi dalam menyediakan mekanisme bagi membolehkan perbincangan dan persefahaman dicapai. Ini adalah langkah yang dilihat berkesan dalam mendapatkan persefahaman antara LHDNM dengan pembayar cukai melibatkan aspek percukaian.

Berikut merupakan sesi libat urus dan program pembelajaran cukai yang melibatkan cawangan-cawangan khas ini sebagai penceramah serta ahli panel:

PROGRAM	BIL. PENYERTAAN
Cawangan Industri Khas (CIK)	
17 Jun 2021: <i>Industry Engagement Berkaitan Intra Group Service</i> bersama Pembayar Cukai Kewangan / Insurans / Hiliran	215
5 Ogos 2021: <i>Industry Engagement Berkaitan Leasing Activities in Labuan. Anjuran bersama Labuan Financial Service Authority (LFSA) dan CIK, LHDNM</i>	86
23 September 2021: <i>Industry Engagement Berkaitan Special Purpose Vehicle (SPV)</i> bersama pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	49
30 September 2021: <i>Industry Engagement Berkaitan Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Industri Huluhan Petroleum</i>	118
Cawangan Cukai Multinasional (CCM)	
18 Mac 2021: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Deloitte Webinar on Transfer Pricing Guidelines</i> • <i>InvestKL Webinar on Transfer Pricing Guidelines</i> 	
12 April 2021: <i>ACCA Seminar The Malaysian Transfer Pricing Development</i>	
16 Jun 2021: <i>Transfer Pricing (TP) Minds UK – Understanding Tax Administration Position on Current TP Development</i>	
27 dan 28 Julai 2021: <i>National Tax Conference</i>	
9 September 2021: <i>CCM-InvestKL Virtual Meet & Greet</i>	
27 September 2021: <i>Loan Transactions Between Related Parties</i> anjuran Jabatan Pematuhan Cukai	
14 Oktober 2021: <i>InvestKL Investor Update Week</i>	
22 November 2021: <i>Seminar Percukaian: Preparation of Transfer Pricing Documentation For SMEs</i> anjuran <i>The Federation Of Malaysia Chinese Commerce Association (FEMACCA)</i>	
24 November 2021: <i>Deloitte Taxmax 2021 - Transfer Pricing Compliance</i>	

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : PENTADBIRAN PERUNDANGAN PERCUKAIAN BERTERASKAN PRINSIP KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

3.1 Memperkasakan Perundangan Percukaian

Jabatan Dasar Percukaian (JDP) berusaha mencari solusi yang terbaik supaya undang-undang percukaian, arahan atau perkeliling yang dikeluarkan oleh LHDNM jelas dan boleh difahami oleh orang awam. JDP juga sentiasa berusaha memperjelaskan undang-undang percukaian atau duti dan memastikan supaya ada keseragaman dalam layanan cukai berkaitan akta yang ditadbir oleh LHDNM seperti yang berikut:

- a) Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT);
- c) Akta Setem 1949 (AS);
- d) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP);
- e) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (LBATA);
- f) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP);
- g) Perundangan subsidiari yang berkaitan akta-akta di atas.

JDP juga bertanggungjawab dalam memastikan draf Garis Panduan Teknikal / Pekeliling Teknikal, Nota Amalan, Edaran Teknikal dan Memo dikeluarkan dalam tempoh 90 hari bekerja daripada keputusan dan arahan dasar diterima. Bagi tahun 2021, berikut merupakan statistik penerbitan yang telah dikeluarkan oleh JDP:

- a) 12 Ketetapan Umum (dwibahasa)
- b) 6 Konsultasi Awam
- c) 9 Garis Panduan
- d) 2 Nota Amalan
- e) 3 Pekeliling Teknikal
- f) 329 Edaran Teknikal
- g) 19 e-Handbook
- h) 2 e-Pemakaian Kes Undang-Undang
- i) 8 e-Teknikal (FAQ).

Selain itu, sebanyak 99 Perundangan Subsidiari (dwibahasa) telah diwartakan dan dimuat naik ke Hasilpedia iaitu saluran rujukan dalaman pegawai LHDNM yang mana ini merupakan maklum balas terhadap semakan draf Perintah dan Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan.

Bagi membendung ketirisan cukai dalam peruntukan undang-undang percukaian sedia ada, JDP turut berusaha mengenal pasti kelompongan dalam peruntukan undang-undang percukaian sedia ada melalui penyediaan kertas konsep, kertas kajian, laporan atau menghadiri kursus, bengkel, taklimat, perbincangan dan mesyuarat dengan pihak berkaitan. Pada masa yang sama, JDP berusaha untuk memantapkan mekanisme kelulusan dan pemantauan bagi perkara berikut:

BIL.	AKTIVITI PEMANTAUAN	PENCAPAIAN
1.	Seksyen 34A ACP 1967 <ul style="list-style-type: none">- Menyelesaikan 270 kelulusan permohonan projek setahun di bawah seksyen 34A ACP.- Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 7 tahun taksiran setahun di bawah Seksyen 34A ACP.	<ul style="list-style-type: none">- 470 permohonan projek telah diselesaikan.- Semakan/lawatan audit telah dijalankan ke atas 18 tahun taksiran dan selesai
2.	Seksyen 34(7) ACP 1967 Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 4 tahun taksiran setahun di bawah Seksyen 34A ACP.	Semakan audit telah dijalankan ke atas 13 kes dan selesai

3.	<p>Subseksyen 44(6) ACP 1967</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memproses 70% permohonan yang lengkap diterima daripada organisasi khairat untuk mendapatkan kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) ACP - Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 30 kes setahun keatas organisasi/ institusi yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP - Menjalankan tindakan pengesanan bagi kes tiada akaun beraudit sebanyak 150 kes ke atas organisasi/ institusi yang diluluskan di bawah Subseksyen 44(6) ACP 	<ul style="list-style-type: none"> - 91.6% permohonan telah diproses - Semakan dan lawatan audit telah dijalankan ke atas 79 kes - Menjalankan 308 tindakan pengesanan bagi kes tiada akaun beraudit. Susulan daripada pengesanan bagi kes tiada akaun beraudit, sebanyak 19 kelulusan telah dipendekkan atau ditarik balik
4.	Menyelesaikan 70% permohonan kelulusan setahun di bawah Seksyen 150 ACP	100% permohonan telah diproses.
5.	Memberi 70% maklum balas terhadap kelulusan di bawah Perenggan 17 Jadual 2 ACKHT 1976 dalam tempoh 60 hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap terima	100% permohonan telah diproses.
6.	Memberi 70% maklum balas terhadap kelulusan di bawah Seksyen 9 untuk mengkompau diti bagi suratcara yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Setem 1949 dan pengesahan suratcara yang layak disetem menurut Seksyen 8 Akta Setem 1949 dalam tempoh 60 hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap terima	100% permohonan telah diproses.
7.	Menjalankan aktiviti taksiran dan pungutan Duti Harta Pesaka dalam tempoh 30 hari bekerja daripada maklumat lengkap diterima	100% taksiran dan pungutan diselesaikan dalam tempoh. Sejumlah RM558,380.75 hasil diti harta pesaka dikutip dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara

3.2 Meningkatkan Pematuhan Pembayar Cukai Melalui Penguatkuasaan Undang-Undang

LHDNM melalui Jabatan Undang-Undang (JUJ) sebagai jabatan yang bertanggungjawab telah menjalankan pelbagai inisiatif dalam memastikan segala tindakan yang diambil adalah adil, telus dan sejajar dengan ketetapan undang-undang. Berikut adalah pelaksanaan tugas oleh JUJ bagi tahun 2021:

BIL.	AKTIVITI PEMANTAUAN	PENCAPAIAN
1.	<i>Task Force</i> Menyelesaikan 1,600 Kes Selepas Penghakiman Yang Diperolehi pada atau sebelum 31 Disember 2016	Sebanyak 1,744 kes penghakiman yang diperolehi pada atau sebelum 31 Disember 2016 berjumlah RM179,967,349.02 telah diselesaikan
2.	Mengambil tindakan ke atas 56,000 Pemberitahuan Tindakan Pendakwaan (PTP)	Sebanyak 77,721 Notis Pemberitahuan Memulakan Tindakan Pendakwaan (PTP) telah selesai diambil tindakan
3.	Memfailkan saman Jenayah	Sebanyak 7,775 saman jenayah telah difailkan
4.	Menyerahkan saman Jenayah	Sebanyak 6,063 saman jenayah telah berjaya diserahkan
5.	Menyelesaikan 7,150 saman yang difailkan sehingga 30 Jun 2021	<p>Sebanyak 7,874 saman yang difailkan berjumlah RM3,773,420,043.49 sehingga 30 Jun 2021 telah diselesaikan.</p> <p>Tindakan penyelesaian di peringkat ini seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penghakiman diperoleh daripada mahkamah diteruskan dengan sejumlah 3,823 surat tuntutan dikeluarkan kepada kepada pembayar cukai; - Menyelesaikan 270 kelulusan permohonan projek setahun di bawah seksyen 34A ACP. - Menjalankan semakan/lawatan audit sebanyak 7 tahun taksiran setahun di bawah Seksyen 34A ACP
6.	Mengambil 4,640 tindakan pelaksanaan ke atas penghakiman diperolehi dalam tahun 2017- 30 Jun 2021	<p>Sebanyak 4,944 tindakan pelaksanaan telah diambil ke atas penghakiman yang diperolehi bagi tempoh tahun 2017 sehingga 30 Jun 2021. Perincian tindakan pelaksanaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Saman Penghutang Penghakiman sebanyak 1,028 kes berjumlah RM26,776,234.37 - Writ Penyitaan dan Penjualan sebanyak 413 kes berjumlah RM9,842,777.21 - Garnisemen sebanyak 1,614 kes berjumlah RM 74,804,096.52 - Notis Kebankrapan sebanyak 254 kes berjumlah RM171,796,760.66 - Perintah Penggulangan sebanyak 167 kes berjumlah RM187,507,783.23
7.	Menyelesaikan 1,000 penghakiman diperolehi dalam tahun 2017-2021	Sebanyak 1,220 berjumlah RM296,185,227.51 tindakan penyelesaian telah diambil ke atas penghakiman yang diperolehi bagi tempoh 2017 sehingga 30 Jun 2021.

TERAS STRATEGIK 2

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERORIENTASI PELANGGAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

Memantapkan Kemudahan Elektronik Urusan Percukaian

Saban tahun, LHDNM sentiasa berusaha untuk memenuhi ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh, terutamanya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pembayar cukai. Inisiatif ini bukan sahaja akan memudahkan penerima perkhidmatan, tetapi ia turut menyumbang kepada tahap kepatuhan sukarela yang tinggi dalam kalangan pembayar cukai berkaitan.

Tidak dinafikan, penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, terutamanya dalam kalangan pembayar cukai dan penerima bantuan menjadi terbatasi serta terjejas akibat daripada pandemik yang melanda pada tahun sebelumnya. Menyedari hakikat tersebut, LHDNM telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan perkhidmatan Sistem "e-Appointment" bagi temu janji di Kaunter Setempat Cawangan LHDNM untuk urusan percukaian yang telah ditetapkan. Jabatan Khidmat Korporat (JKK) selaku jabatan bertanggungjawab telah terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan integrasi tindakan serta latihan kepada pegawai yang terlibat. Sistem ini siap dibangunkan sepenuhnya pada 17 Jun 2021 dan mula *Go Live* pada 1 Julai 2021. Walau bagaimanapun, operasi Kaunter Setempat secara *walk-in* masih ditawarkan kepada pembayar cukai seperti biasa dengan mengambil kira kepentingan pelanggan yang tidak mempunyai kemudahan internet dan kelengkapan digital.

Selain daripada itu, JKK turut menjalankan kajian kolaborasi bersama-sama dengan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) bagi menilai keberkesanan kempen publisiti terhadap pematuan cukai. Kajian tersebut selesai sepenuhnya pada 14 Disember 2021.

Dari aspek kemudahan pelaporan cukai, LHDNM melalui Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah berjaya mereka bentuk Borang Nyata dalam format yang lebih mudah dan mesra pengguna bagi kategori Selain Syarikat iaitu Koperasi (C1), Badan Amanah (TA), Unit Amanah / Amanah Harta Tanah (TC) dan Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta (TR) Tahun Taksiran (TT) 2021 yang telah diselesaikan pada 28 April 2021. Ini merupakan kesinambungan daripada perkhidmatan dalam talian yang telah disediakan oleh LHDNM menerusi sistem MyTax bagi tahun 2021 iaitu:

- a) e-Kemaskini Pelepasan Individu
- b) e-Kemaskini Profil Diri
- c) e-Data Prais bagi TT 2020
- d) e-Filing Borang STSNC bagi TT 2020
- e) e-Permohonan Pindaan BE bagi TT 2020
- f) e-Filing Borang Syarikat (C), Perkongsian Liabiliti Terhad (PT), C1, TA, dan TC bagi TT 2021
- g) e-Lodgement
- h) e-Filing Borang Nyata Cukai Petroleum Di Bawah Seksyen 30 (CPP) dan Cukai Petroleum Di Bawah Seksyen 30A (CPE) bagi TT 2020

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : REPUTASI DAN IMEJ KORPORAT CEMERLANG

2.1 Perluasan Pensijilan MS ISO di Jabatan / Cawangan LHDNM

Pensijilan MS ISO atau *International Organization for Standardization* merupakan satu badan antarabangsa yang mengeluarkan piawaian untuk membantu organisasi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka. Ia diaplikasikan dalam sesebuah organisasi bagi menunjukkan kemampuan untuk menghasilkan produk dan penyediaan perkhidmatan yang konsisten bersesuaian dengan kehendak pelanggan dan keperluan perundangan yang diguna pakai. Pemakaian ISO menggalakkan pendekatan proses di dalam membangun, melaksana dan menambah baik keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui pelaksanaan audit dalaman, LHDNM melalui Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) telah melaksanakan enam (6) skop pengauditan daripada tiga (3) Sistem Pengurusan ISO SPK/ ISMS / SPKP yang meliputi:

- a) Empat (4) skop pengauditan MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK):
 - i. Proses Pelaksanaan Pelepasan Sementara dan Pembatalan Sekatan Perjalanan Individu Selain Pengarah Syarikat;
 - ii. Proses Penerimaan Penyediaan Dan Pemfailan Writ Saman Dan Pernyataan Tuntutan (WSPT) bagi fail OG untuk kes cukai pendapatan;
 - iii. Proses Penyediaan Bayaran Balik Individu Penggajian Bagi Kes e-Filing/m-Filing; dan
 - iv. Proses Pelaksanaan Audit Luar Kes Syarikat;
- b) Satu (1) skop pengauditan ISO/IEC 27001:2013 "*The Information Security Management System (ISMS) for Operation of e-Filing at Data Centre LHDNM, Cyberjaya*"; dan
- c) Satu (1) skop pengauditan ISO 22301:2019 (SPKP) "Sistem Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan Syarikat Yang Dikendalikan Oleh LHDNM Ibu Pejabat Menara Hasil".

Bagi tahun 2021, aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan bagi tujuan tersebut iaitu:

- a) Pelaksanaan audit dalaman ke atas tiga (3) Sistem Pengurusan ISO berdasarkan enam (6) skop pengauditan yang telah ditetapkan. Berikut adalah 24 auditan yang telah dilaksanakan ke atas cawangan pelaksana / jabatan pemilik proses yang terlibat:
 - i. 16 auditan MS ISO 9001:2015 (SPK);
 - ii. Tujuh (7) auditan ISO 22301:2019 (SPKP); dan
 - iii. Satu (1) auditan ISO/ IEC 27001:2013 (ISMS).
- b) Pengemukakan 18 laporan penemuan audit iaitu :
 - i. 16 laporan penemuan audit MS ISO 9001:2015 (SPK);
 - ii. Satu (1) laporan penemuan audit ISO 22301:2019 (SPKP); dan
 - iii. Satu (1) laporan penemuan audit ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).
- c) Pembentangan Laporan Pelaksanaan Audit Dalaman kepada Wakil Pengurusan iaitu :
 - i. MS ISO 9001:2015 (SPK) – Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil. 1/2021;
 - ii. ISO 22301:2015 (SPKP) – Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MJKPR) Khas Bil. 1/2021; dan
 - iii. ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) – Mesyuarat Bersama Wakil Pengurusan Bil. 1/2021.

Dalam pada itu, pensijilan MS ISO juga diperluaskan di jabatan/cawangan LHDNM yang mana Pensijilan ISO 22301:2019 Sistem Pengurusan Kesyukuran Perkhidmatan (SPKP) LHDNM telah diperoleh daripada pihak SIRIM pada 10 Mei 2021 (nombor rujukan BCM00116).

Skop SPKP adalah Bayaran Balik Syarikat dan projek ini merupakan kerjasama JIPR dan Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) selaku Urus setia SPKP/ Pasukan Pelaksana dengan 5 Jabatan pasukan pelaksana lain iaitu Jabatan Operasi Cukai, Jabatan Pungutan Hasil, Hasil Care Line, Jabatan Khidmat Korporat, Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan Jabatan Logistik Korporat.

2.2 Pelan Korporat LHDNM 2016-2020

Pelan Korporat LHDNM merupakan pernyataan hala tuju LHDNM yang diterjemahkan melalui Visi dan Misi yang telah ditetapkan dalam tempoh lima (5) tahun dan menjadi rujukan kepada pelaksanaan strategi untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Pelan ini penting dalam memastikan LHDNM berada dalam landasan yang ditetapkan serta menjadi penanda aras pencapaian LHDNM dalam usaha penambahbaikan dan perancangan di masa hadapan. Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP) merupakan jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia segala keperluan yang berkaitan dengan pelan ini.

Laporan Akhir Pencapaian Pelan Korporat LHDNM 2016-2020 telah disediakan bagi mengukur prestasi Pelan Korporat LHDNM 2016-2020 berdasarkan empat (4) Teras Strategik iaitu Pentadbir Sistem Percukaian Yang Diyakini Rakyat, Sistem Dan Prosedur Kerja Yang Cekap Dan Berkesan, Penyumbang Utama Kemakmuran Negara Dan Kesejahteraan Rakyat serta Organisasi Yang Dinamik. Laporan ini telah dibentangkan kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), YBhg. Datuk Dr. Sotimin Bin Muhalip merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Perancangan Strategik LHDNM pada 16 Disember 2021.

Pencapaian keseluruhan Pelan Korporat LHDNM 2016-2020 adalah pada kadar 98.52% yang mana sebanyak 266 pelan tindakan telah berjaya dilaksanakan daripada 270 pelan yang dirancang. Laporan ini juga telah mengenal pasti beberapa perkara yang perlu diambil kira bagi melancarkan pelaksanaan Pelan Korporat LHDNM yang akan datang.

Bagi Pelan Korporat LHDNM 2021-2025, sebanyak lapan (8) sesi *roadshows* telah diadakan dalam memastikan seluruh Hasilian mendapatkan gambaran dan kefahaman yang lebih jelas berkaitan pelan tersebut. Memandangkan situasi semasa pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara ketika itu, sesi *roadshows* ini telah diadakan secara dalam talian bermula Mac 2021 sehingga Julai 2021 melibatkan seluruh jabatan, Pejabat Pengarah Negeri LHDNM, Cawangan dan Cawangan Siasatan.

OBJEKTIF STRATEGIK 3 : PEMANTAPAN SISTEM TADBIR URUS

LHDNM sentiasa berusaha untuk menjadi organisasi yang telus serta bebas daripada sebarang unsur yang membawa keraguan kepada pemegang taruh dan pihak berkepentingan, terutamanya pembayar cukai. Jabatan Audit Dalam (JAD) sebagai badan bebas memberi kepastian objektif dan menjalankan aktiviti perundangan yang dibentuk untuk menambah nilai serta menambah baik operasi dan pentadbiran organisasi. JAD membantu organisasi mencapai objektifnya dengan menerapkan pendekatan yang sistematik serta berdisiplin untuk menilai dan menambah baik keberkesanan di dalam tadbir urus pengurusan risiko dan kawalan dalaman LHDNM.

Bagi Tahun 2021, sebanyak empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga (MJKAL) telah berjaya diadakan selaras dengan ketetapan dalam Terma Rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga:

BIL. MJKAL	TARIKH
BIL. 1/2021	4 MAC 2021
BIL. 2/2021	2 JULAI 2021
BIL. 3/2021	17 SEPTEMBER 2021
BIL. 4/2021	9 DISEMBER 2021

Berikut adalah ringkasan kepada aktiviti pemerhatian audit yang dijalankan oleh JAD sepanjang tahun 2021 :

SKOP PEMERHATIAN AUDIT	BIL. PEMERHATIAN
Audit Kewangan <ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Aset ii. Pengurusan Bayaran iii. Pengurusan Kenderaan iv. Pengurusan Perolehan 	22
Audit Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Emolumen ii. Pengurusan Insan iii. Pengurusan Keselamatan Bangunan Pejabat dan Kesihatan Pekerja iv. Pengurusan Perjanjian 	26
Audit Dokumen Akaun Terimaan Hasil Duit Setem (DAT HDS) <ul style="list-style-type: none"> i. Bayaran kepada Perbendaharaan ii. Pemeriksaan Mengejut iii. Penerimaan Wang Awam iv. Penggunaan Peti Besi v. Pengurusan Am vi. Pengurusan Cek Tak Laku vii. Penyimpanan dan Penggunaan Buku Resit 	21
Audit ICT <ul style="list-style-type: none"> i. Tadbir Urus Sistem Maklumat ii. Bilik Server iii. Peralatan ICT iv. Perisian dan Fail v. <i>Telecommunication Closet Room</i> vi. ID Pengguna dan Kata Laluan 	42
JUMLAH	111

OBJEKTIF STRATEGIK 4 : PEMBUDAYAAN PENGURUSAN RISIKO DAN INTEGRITI

Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) merupakan sebuah jabatan yang berperanan dalam pengurusan integriti, audit kualiti, pengurusan risiko organisasi dan audit pematuhan. Sebagai agensi kerajaan yang disegani, LHDNM seharusnya menjadi contoh terbaik dalam memastikan tiada salah laku dalam kalangan pegawai dan pihak-pihak yang berkaitan yang boleh memberi impak negatif kepada imej bersih LHDNM selama ini. Tambahan lagi, nilai kepercayaan rakyat yang menjadi taruhan sekiranya prinsip asas ini tidak diberi penekanan.

4.1 Melaksanakan Inisiatif Pelan Anti Rasuah LHDNM (PeARL)

Bagi memastikan aktiviti tadbir urus yang terbaik dilaksanakan, beberapa inisiatif diambil meliputi:

a) Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah LHDNM

Sebanyak tiga (3) kali Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) telah dilaksanakan dalam tahun 2021 iaitu :

- i. JAR Bil. 1/2021 pada 30 Mac 2021,
- ii. JAR Bil. 2/2021 pada 9 September 2021, dan
- iii. JAR Bil. 3/2021 pada 7 Disember 2021.

b) Semakan Polisi, Sistem Dan Prosedur Sedia Ada Serta Cadangan Penambahbaikan

Pemantapan polisi dan prosedur dikukuhkan lagi dengan pengeluaran Arahan Pentadbiran Bil.1/2021 – Polisi Anti-Rasuah LHDNM;

c) Pemantauan Pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah LHDNM (PeARL)

Pelbagai aktiviti pemantauan dan lawatan verifikasi pelaksanaan inisiatif Pelan Anti-Rasuah LHDNM (PeARL) telah dijalankan dalam tahun 2021, iaitu:

- i. Taklimat Pelaksanaan PeARL kepada Jabatan Resolusi Pertikaian pada 29 September 2021;
- ii. Pemantauan Pelaksanaan PeARL Empat (4) Kali Setahun Ke Atas Pelaksana:
 - » Suku tahun pertama – Januari hingga Mac 2021;
 - » Suku tahun kedua – April hingga Jun 2021;
 - » Suku tahun ketiga – Julai hingga September 2021; dan
 - » Suku tahun keempat – Ogos hingga Disember 2021.

d) Lawatan verifikasi pelaksanaan inisiatif PeARL ke Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan

Lawatan verifikasi dilaksanakan ke atas pelaksana seperti berikut:

- i. Jabatan Penyelidikan Percukaian pada 11 Ogos 2021;
- ii. Cawangan Siasatan Terengganu pada 12 Ogos 2021;
- iii. Cawangan Kangar pada 19 Ogos 2021;
- iv. Pejabat Pengarah Negeri Sarawak dan cawangan di bawah seliaan pada 17 Ogos 2021; dan
- v. Cawangan Pulau Pinang pada 20 September 2021.

e) Pelaksanaan program pengukuhan integriti melalui ceramah/taklimat/webinar dan hebahan

Pelbagai cabang hebahan telah diaplikasikan dalam tahun 2021 bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada pegawai LHDNM melalui:

- i. Lapan (8) program webinar integriti;
- ii. 24 mesej integriti;
- iii. Soal selidik integriti; dan
- iv. Pertandingan artikel integriti.

f) Program Libat Urus bersama Unit Integriti Agensi Kerajaan dan Swasta

Bagi tahun 2021, program libat urus bersama Unit Integriti, Kementerian Kewangan Malaysia pada 17 Disember 2021 telah diadakan bagi perkongsian dan kerjasama strategik antara kedua belah pihak.

4.2 Memantapkan Pengurusan Krisis

Rentetan daripada kemelut kesihatan yang melanda dunia pada tahun 2020, LHDNM meneruskan Pengurusan Krisis Pandemik COVID-19 pada tahun 2021 dengan langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan iaitu:

- a) Pengumpulan rekod data kes COVID-19 setiap hari untuk dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Krisis LHDNM (CMT);
- b) Laporan bilangan pegawai disahkan Positif/PUI/PUS COVID-19 dan Penutupan Pejabat LHDNM kepada CMT setiap minggu;
- c) Pemakluman kes Positif COVID-19 di Menara Hasil kepada semua pegawai di Ibu Pejabat;
- d) Membimbing *Administration Care Officer* (ACO) dan pegawai dalam menguruskan kes COVID-19 di Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan;
- e) Menasihati Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan dalam pematuhan SOP norma baharu yang dikemas kini dan pengurusan kes COVID-19 terutama SOP PKP bagi pelaksanaan majlis, rentas negeri dan lain-lain;
- f) Bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi pengurusan kes kontak rapat dalam kalangan pegawai LHDNM;
- g) Menyemak status tindakan diambil oleh Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan berdasarkan garis panduan tindakan COVID-19; dan
- h) Menyediakan penilaian risiko terhadap kawalan pencegahan jangkitan COVID-19 bagi program yang dijalankan secara bersemuka.

Selain itu, sebanyak enam (6) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Krisis LHDNM (CMT) secara dalam talian MS Teams yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM sepanjang tahun 2021. Komitmen LHDNM dalam memastikan kesihatan pegawai berada dalam tahap optimum terbukti apabila pengajuran Program Vaksinasi Khas Berkelompok LHDNM telah berjaya dilaksanakan di Pusat Pemberian Vaksin PICC Putrajaya pada 14, 17, 18 dan 22 Julai 2021. Program ini juga merupakan satu inisiatif utama buat Hasil bagi menyokong hasrat kerajaan untuk mencapai *herd immunity* dalam negara

4.3 Memantapkan Pengurusan Risiko Organisasi

Dalam aspek pembudayaan pengurusan risiko, LHDNM telah melaksana dan menyelenggara program pengurusan risiko yang mantap melalui:

- a) Pelaksanaan Pengurusan Risiko: Pengurusan Daftar Risiko Korporat, pemantauan tindakan pemulihan dan menyediakan laporan :
 - i. Pemantauan Profil Pengurusan Risiko Korporat LHDNM menerusi Daftar Risiko oleh RCO di Sistem i-RIS;
 - ii. Setiap *Risk Care Officer* (RCO) adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti risiko melalui pengisian daftar risiko di Sistem i-RIS. Proses ini adalah proses tahunan yang diwajibkan ke atas RCO setiap Jabatan/ PPN/ Cawangan/ Cawangan Siasatan dalam usaha untuk mengurus risiko di LHDNM;

- iii. Pemantauan ke atas tindakan pemulihan risiko oleh pemilik risiko atau pemilik proses ke atas risiko taraf cemas dan kritikal; dan
 - iv. Pembentangan laporan risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Pengurusan Tertinggi, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Lembaga Pengarah Tadbir mengikut ketetapan Struktur Urus Pengurusan Risiko.
- b) Program Penilaian OSHE (HIRARC/ Ergonomik/ Kajian dan OSHWA):
- i. Melaksanakan *Occupational Safety and Health Assessment* (OSHWA) dan menyediakan laporan.
- c) Pelaksanaan Program Komunikasi dan Konsultasi Pengurusan Risiko kepada pegawai:
- i. Edaran poster kesedaran pengurusan risiko;
 - ii. Taklimat dan latihan kepada RCC/ RCO/ BCC/ ACO; dan
 - iii. Melaksana Lawatan Penanda Aras ke agensi terpilih.

Sehubungan dengan itu, berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan berkaitan pengurusan risiko organisasi sepanjang tahun 2021:

- a) Pelaksanaan Pengurusan Risiko: Pengurusan Daftar Risiko Korporat, pemantauan tindakan pemulihan dan menyediakan laporan
- i. Sistem i-RIS dibuka untuk pendaftaran risiko, maklum balas pemilik proses dan analisis JIPR pada 1 April hingga 31 Mei 2021;
 - ii. Pembentangan Laporan Profil Risiko Korporat LHDNM 2021 kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko LHDNM (MJKPR) Bil. 1/2021 pada 8 Julai 2021;
 - iii. Edaran Laporan Profil Risiko Korporat LHDNM 2021 kepada Pengurusan Atasan LHDNM pada 30 Ogos 2021;
 - iv. Pembentangan Profil Risiko Korporat LHDNM 2021 pada MJKAL Bil. 03/2021 pada 17 September 2021;
 - v. Pemantauan tindakan pemulihan risiko oleh pemilik risiko/ pemilik proses pada 25 November hingga 1 Disember 2021; dan
 - vi. Pembentangan laporan pemantauan Profil Risiko Korporat LHDNM 2021 kepada MJKPR Bil. 02/2021 pada 14 Disember 2021.
- b) Program Penilaian OSHE (HIRARC/ Ergonomik/ Kajian dan OSHWA) Pelaksanaan Pemeriksaan/ Audit OSHWA di semua Negeri, Cawangan & CSI pada Jun 2021
- c) Pelaksanaan Program Komunikasi dan Konsultasi Pengurusan Risiko kepada pegawai
- i. Edaran poster kesedaran pengurusan risiko sebanyak 42 unit;
 - ii. Pelaksanaan 31 taklimat berkaitan pengenalan, kesedaran, pemantapan dan pemerksaan pengurusan risiko, kesinambungan perkhidmatan dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diberikan kepada Hasilian;
 - iii. Program Jalinan Mesra dan Perkongsian Maklumat Pengurusan Risiko Organisasi di Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) KLCC pada 16 Disember 2021; dan
 - iv. Program Menyantuni Mangsa Banjir di Akademi Percukaian Malaysia Bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) pada 22 Disember 2021.

TERAS STRATEGIK 3

SISTEM DAN PROSES KERJA YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

PEMODENAN SISTEM APLIKASI DAN INFRASTRUKTUR ICT

Melaksanakan Transformasi Hasil

Transformasi Hasil merupakan satu inisiatif oleh LHDNM bagi memperkasakan pelan digitalisasi yang bukan sahaja menjadikan sistem dan proses kerja lebih efektif dan efisien, malah akan memanfaatkan pelanggan LHDNM terutamanya pembayar cukai.

Pekeliling Operasi Bil. 20 Tahun 2020 menyatakan *Malaysian Income Tax Reporting System* (MITRS) telah dibuka untuk capaian oleh pembayar cukai syarikat bagi tujuan pengemukaan helaian kerja percukaian secara digital mulai 1 September 2021 yang melibatkan Tahun Taksiran (TT) 2015 hingga TT 2018. Selaras dengan Transformasi Hasil dan Pemerksaan Data, semua pegawai audit dan siasatan bertanggungjawab untuk menggalakkan pembayar cukai menggunakan MITRS sebagai medium penghantaran Helaian Kerja Percukaian secara digital. Pegawai audit dan siasatan juga boleh merujuk kepada tatacara MITRS yang telah dimuat naik ke Portal Rasmi LHDNM.

Bagi tahun 2021, e-Daftar Niaga Kuching iaitu Modul Daftar Perniagaan e-Daftar Niaga Kuching telah sedia digunakan pada 01 Ogos 2021 yang melibatkan fungsi carian bagi tujuan pendaftaran perniagaan. Dalam pada itu, *Hasil Identity* yang merupakan *gateway* untuk menyelaraskan proses login ID Pengguna ke sistem dan aplikasi di LHDNM juga telah diintegrasikan dengan sistem serta aplikasi dalaman yang lain iaitu:

- a) Sistem Pengurusan Insan (SPI) pada April 2021;
- b) HASiL *Integrated Tax System* (HITS) pada Ogos 2021;
- c) MITRS pada September 2021; dan
- d) Hasilpedia pada Oktober 2021.

SISTEM DAN PROSES KERJA YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

Pengurusan Kos Yang Cepak Dan Berkesan

Pengurusan kewangan merupakan suatu perkara yang kritikal dan perlu diambil perhatian terutamanya dalam kemelut ekonomi dunia yang tidak menentu. Atas kesedaran inilah, LHDNM sentiasa mengutamakan perbelanjaan yang berhemah serta mengoptimumkan sumber kewangan.

Satu kajian kebolehlaksanaan mewujudkan Unit Hibrid di cawangan telah dijalankan dengan memilih Cawangan Seremban di bawah seliaan Pejabat Pengarah Negeri (PPN) Negeri Sembilan dan Melaka sebagai cawangan perintis pertama bagi penubuhan Unit Hibrid Syarikat berkuat kuasa pada 1 Januari 2020. Melihat kepada hasil kajian serta pencapaian yang memberangsangkan oleh Cawangan Seremban telah mendorong kepada Panduan Penubuhan Unit Hibrid Syarikat Cawangan Seremban dan Cawangan Klang telah dikeluarkan pada 30 November 2021. Panduan ini akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2022 dan Cawangan Klang di bawah seliaan Pejabat Pengarah Negeri (PPN) Selangor telah dipilih sebagai cawangan perintis kedua bagi penubuhan Unit Hibrid Syarikat mulai 1 Januari 2022.

PEREKAYASAAN PROSES DAN PROSEDUR KERJA

2.1 Memperkasa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pentadbiran Percukaian

LHDNM melalui Jabatan Operasi Cukai (JOC) telah menyelaraskan serta memperkasa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pentadbiran Percukaian dengan melaksanakan kajian penggabungan Borang Nyata iaitu Borang TJ (Keluarga Sekutu Hindu) dengan Borang B (Individu Pemastautin Yang Menjalankan Perniagaan), P (Perkongasian), TP (Harta Pusaka) dan TF (Pertubuhan). Kertas kajian penggabungan Borang TJ dan TP ini telah diluluskan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) pada 27 Julai 2021 dan pelaksanaan tertakluk kepada perakuan oleh Jabatan Undang-Undang.

Inisiatif seterusnya adalah memastikan MyPortfolio menggantikan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja di semua Jabatan. Sehubungan dengan itu, 21 jabatan termasuk Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif telah menyediakan MyPortfolio dan telah dimuat naik di Hasilpedia bagi kemudahan akses oleh setiap pegawai.

2.1.1 Pemeriksaan Big Data Analitik

Dalam pada itu, LHDNM turut membuat kajian berkaitan operasi serta membangunkan model-model analitik menggunakan *Machine Learning* dan *Analyticals Tools* berdasarkan sumber-sumber data dalaman dan data pihak ketiga. Sepanjang tahun 2021, kajian telah diselesaikan oleh saintis data dan maklumat dikemukakan kepada pemilik proses seperti berikut :

BIL.	KAJIAN	PERINCIAN
1.	Kajian Kadar Pematuhan BNCP	Kajian Kadar Pematuhan Borang Nyata Tahun Taksiran 2016-2019 bagi Januari 2021 hingga Disember 2021
2.	Kajian Pembersihan Data Fail Pendua	Kajian pembersihan data untuk mematikan fail secara automatik dan oleh Cawangan / Jabatan bagi STSNC
3.	Projek Pendaftaran Fail Secara Automatik	Semakan data dalaman dan luaran untuk mengenal pasti pembayar cukai yang belum berdaftar dengan LHDNM: <ul style="list-style-type: none">- Data Peminjam PTPTN- Data Stamps- Data ROC (SSM)- Data PLT (SSM)
4.	Kajian Pembayar Cukai Penggajian Yang Tidak Mengemukakan Borang Nyata Tetapi Mempunyai Maklumat Pendapatan Berdasarkan CP8D	Perincian kajian adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">- Maklumat berkenaan sebab kes diaudit- Kes yang mempunyai taksiran kurangan selepas taksiran tambahan dibangkitkan bagi TT yang sama.
5.	Kajian Pembayar Cukai Penggajian Yang Tidak Mengemukakan Borang Nyata Tetapi Mempunyai Maklumat Pendapatan Berdasarkan CP8D	Mengenal pasti kes-kes bagi pembayar cukai yang tidak menghantar Borang Nyata yang mempunyai sumber pendapatan dari C.P.8D yang mana pembayar cukai mempunyai status fail aktif dan mempunyai majikan lebih daripada satu
6.	Kajian Maklumat Pembayar Cukai yang Menjalankan Perniagaan Balak dan Emas	Mengenal pasti status pengemukaan Borang Nyata, maklumat pendapatan, cukai kena dibayar dan padanan data SSM bagi TT2017-2019 terhadap senarai pembayar cukai yang menjalankan perniagaan emas dan balak.
7.	Kajian Ke Atas Statistik Kehilangan Hasil Disebabkan Pemberhentian Pekerja	Mengenal pasti kehilangan hasil disebabkan pemberhentian pekerja bagi Tahun 2019-2020

8.	Kajian ke Atas Pembayar Cukai Yang Membuat Kesalahan Menuntut Rebat Zakat Yang Dibenarkan di Bawah Subseksyen 6A(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 Selepas Audit Dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> - Mendapatkan maklumat terperinci pembayar cukai berhubung kesalahan dalam menuntut amaun rebat zakat. - Tujuan justifikasi adalah untuk pengemukaan cadangan pindaan undang-undang sama ada penalti wajar atau tidak dikenakan ke atas pembayar cukai sekiranya terdapat kesilapan dalam tuntutan rebat zakat.
9.	Kajian Pembayar Cukai Individu berdasarkan Maklumat Pendapatan Lain	Mengenal pasti sama ada pembayar cukai individu yang mempunyai maklumat pendapatan lain di SMUP telah melaporkan pendapatan bagi tahun taksiran 2016 hingga 2019
10.	Kajian ke atas Individu berdasarkan maklumat pemilikan harta	Kajian ke atas individu yang memiliki kekayaan tetapi tiada taksiran cukai bagi 4 tahun berturut turut (2017-2020)
11.	Kajian Pematuhan Mengikut Industri	Kajian pematuhan pengemukaan Borang Nyata dan pembayaran baki cukai syarikat mengikut industri
12.	Kajian Individu berdasarkan Maklumat Pemilikan Kenderaan	Kajian ke atas trend pematuhan bagi pembayar cukai individu yang memiliki kenderaan mewah
13.	Menyelesaikan 1,000 penghakiman diperolehi dalam tahun 2017-2021	<ul style="list-style-type: none"> - Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kepada kewujudan tekanan kepada pegawai LHDNM yang boleh mengganggu tumpuan serta fokus kerja bagi mencapai Sasaran KPI semasa Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) di LHDNM - Mengenal pasti sama ada wujud tekanan atau tidak oleh pegawai LHDNM dalam pelaksanaan BDR semasa pandemik Covid-19.
14.	Kajian Trend Taksiran Subseksyen 90(3) Bagi Pembayar Cukai Individu Yang Mempunyai Bayaran PCB	Mengkaji trend Taksiran Anggaran Subseksyen 90(3) berasaskan PCB melibatkan tempoh (4) tahun taksiran melibatkan TT2017 hingga TT2020
15.	Taksiran Secara Automatik (TSA) bagi membangkitkan Taksiran Anggaran di Bawah Projek Penyelarasan Data LHDNM	Pelaksanaan TSA dengan membangkitkan taksiran anggaran melibatkan data dalam rekod LHDNM
16.	Kajian Pematuhan Pembayar Cukai Baharu	Kajian terhadap tahap pematuhan telah dibuat ke atas Pembayar Cukai baharu yang didaftarkan pada tahun 2018 dan 2019.
17.	Kajian Model Risk Scoring Syarikat	Pemilihan kes yang berkualiti dengan menggunakan sumber data dalaman dan luaran berdasarkan kriteria-kriteria

2.1.2 Program Smart Partnership

Program *Smart Partnership* [PSP] turut dilaksanakan dengan memfokuskan kepada Penyelarasan Sesi Lawatan Pemantauan KPI dan Prosedur Kerja (Mengikut Zon) dan *Strategic Partner* Bersama Agensi.

Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Lawatan Kerja Ke Cawangan-Cawangan LHDNM adalah bertujuan untuk:

- a) Mengurangkan kekerapan lawatan pemantauan secara berasingan oleh Jabatan pemilik proses ke cawangan-cawangan LHDNM. Jabatan Operasi Cukai (JOC) akan menyelaraskan sesi lawatan ke Cawangan LHDNM dengan kerjasama daripada Jabatan pemilik proses yang lain; dan

- b) Membentangkan dan memaklumkan perancangan strategik dan inisiatif Pengurusan Tertinggi dengan lebih jelas bagi tujuan meningkatkan kutipan hasil tahun 2021

Program ini memberi fokus kepada pemantauan KPI dan prosedur kerja di Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan dengan melibatkan pembentangan dan komunikasi dua (2) hala antara pihak jabatan pemilik proses.

Sepanjang tahun 2021, program turun padang secara webinar telah diadakan sebanyak tiga (3) sesi seperti berikut:

- a) Tumpuan Kepada Program Operasi Percukaian Tahun 2021 – Februari 2021;
- b) Tumpuan Kepada Pemantauan KPI & Pemantauan Prosedur Kerja – Julai 2021; dan
- c) Tumpuan Kepada Pemantauan Akhir KPI – November 2021.

Program *Strategic Partner* Bersama Agensi pula lebih menjurus kepada perkongsian data dan maklumat bersama agensi yang lebih teratur serta bersistematik :

BIL.	AGENSI	PERKONGSIAN DATA
1.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Data Daftar Perniagaan
2.	Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan	Senarai data yang digunakan dalam proses verifikasi GKP2020 yang diperolehi daripada SSM, Tekun Nasional (TEKUN), MDEC dan PBT
3.	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	Senarai daftar anggota ATM
4.	Talent Corp	Senarai individu yang terlibat dengan program keupulangan pakar (REP)
5.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	Senarai butiran maklumat ekspatriat berdaftar di Malaysia
6.	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	Senarai daftar pemilik kenderaan di Malaysia sehingga 11 Sept 2020
7.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	Senarai maklumat Borang K1 & K2
8.	ANGKASA	Senarai daftar koperasi yang berdaftar dengan ANGKASA
9.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)	Senarai maklumat pembayaran kepada individu / syarikat yang melalui Kementerian Kewangan
10.	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)	Maklumat penilaian aset hartanah bagi tujuan penysetaman hasil
11.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Senarai pemberi pinjam wang berlesen dan pemegang pajak gadai
12.	PERKESO	Senarai penerima Program Subsidi Upah

2.1.3 Projek Kerjasama Penyelarasan Data LHDNM

Projek Kerjasama Penyelarasan Data LHDNM terdiri daripada:

a) Pendaftaran Secara Automatik

Pendaftaran secara automatik berdasarkan padanan Data Agensi telah didaftar sebagai Fail Potensi sebanyak 2,764,908 pembayar cukai baharu. Kerjasama pendaftaran secara automatik akan diteruskan dengan pelaksanaan tiga (3) Fasa Tahun 2022 melibatkan:

- i. Data GKP/PENERIMA;
- ii. Data Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- iii. Data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

b) Taksiran Secara Automatik

Projek Kerjasama Penyelarasan Data telah dijalankan pada tahun 2021 melibatkan Taksiran Secara Automatik atau juga dikenali Taksiran Melalui Sistem (TMS) melibatkan dua (2) sumber pendapatan iaitu CP8D dan Maklumat Perkongsian. Taksiran Secara Automatik pada Tahun 2021 melibatkan 7,791 kes dengan Taksiran RM 25.985 juta. Projek Taksiran secara automatik ini akan diteruskan pada Tahun 2022 berdasarkan tiga (3) fasa iaitu:

- i. Taksiran secara automatik berdasarkan maklumat CP500;
- ii. Kes Pembayar Cukai yang tidak mengemukakan BNCP berdasarkan padanan maklumat agensi; dan
- iii. Taksiran secara automatik CP8D/ Perkongsian akan diteruskan dengan data baharu.

2.2 Memperkasa Prosedur Operasi Standard (SOP) Program Siasatan

Di bawah objektif strategi ini juga, penyelarasan dan prosedur kerja siasatan juga diberi penekanan agar keberhasilan tugas berada dalam landasan yang telah ditetapkan. LHDNM melalui Jabatan Siasatan (JS) telah melaksanakan beberapa inisiatif yang dilihat mampu memudahkan proses kerja sedia ada serta memantapkan lagi pelaksanaan aktiviti siasatan.

Berikut adalah pelaksanaan pelan tindakan yang telah diselesaikan oleh JS bagi tahun 2021 :

- a) Pengemukaan kelulusan kes secara digital – Pegawai penyiasat hanya perlu memuat naik dokumen di dalam sistem tanpa perlu mengemukakan fail fizikal siasatan : Kesemua 17 Cawangan Siasatan (CSi) telah melaksanakan pengemukaan secara digital (bagi pengemukaan yang memerlukan kelulusan di peringkat Pengarah CSi);
- b) Pembangunan sistem pemantauan dalam talian di *Case Management System* (CMS) yang mana JS akan mendaftar kes pemantauan di CMS dan pegawai penyiasat akan memberi maklum balas di CMS : Pembangunan pemantauan dalam talian melalui CMS juga dikenali sebagai *Audit Online* (AOL) siap dilaksanakan pada April 2021;
- c) Pengintegrasian maklumat median industri ke dalam CMS, yang mana pegawai penyiasat akan membuat carian maklumat median industri di CMS. Median industri dijana oleh SAS berdasarkan borang cukai : Tarikh sistem siap dibangunkan adalah pada Oktober 2020, manakala proses integrasi median industri ke dalam CMS telah diselesaikan sepenuhnya pada 2021; dan
- d) Proses muat naik maklumat berkaitan kes potensi di dalam CMS Risikan.

Kesemua agihan kes potensi dibuat sepenuhnya melalui sistem CMS mulai 18 Mac 2020 dan proses selesai pada 31 Disember 2021.

TERAS STRATEGIK 4

PENGURUSAN ORGANISASI DINAMIK DAN BERPRESTASI TINGGI

LHDNM berhasrat menjadi majikan pilihan kepada individu yang berkaliber tinggi dan mempunyai kepakaran yang relevan seiring dengan persekitaran percukaian yang semakin dinamik. Dalam usaha mencapai matlamat ini, LHDNM memberi tumpuan kepada empat objektif strategik iaitu melaksanakan organisasi yang optimum, menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, membangunkan sumber manusia yang kompeten dan professional dan memperkukuhkan kepimpinan. Tadbir urus sumber manusia diperkukuhkan melalui pelaksanaan organisasi yang mempunyai saiz perjawatan dan struktur yang optimum dengan meningkatkan tahap kecekapan di samping mengurangkan pembaziran sumber manusia. Pengambilan tenaga kerja baharu diperkemaskan dengan penekanan kriteria pemilihan yang khusus untuk memastikan hanya calon yang terbaik diterima sebagai Hasilian.

OBJEKTIF STRATEGIK 1 : HASILIAN KOMPETEN DAN PROFESIONAL

1.1 Membentuk Hasilian Yang Berilmu Dan Kompeten

Hasilian merupakan tonggak utama dalam LHDNM yang akan mendokong visi dan misi organisasi. Oleh yang demikian, pengisian serta pengetahuan yang perlu diterapkan sejak awal perkhidmatan Hasilian adalah penting dan perlu diperhalusi dengan teliti dalam menghasilkan pegawai yang mahir dan berpengetahuan tinggi dalam bidang masing-masing.

Sehingga Disember 2021, peratusan pegawai yang telah mencatatkan pencapaian 40 jam latihan melalui pelaksanaan program-program latihan secara dalam talian adalah 191.60% sama ada melalui Jabatan Pengurusan Insan (JPI) yang bertindak sebagai pemilik proses atau di bawah kendalian Akademi Percukaian Malaysia (APM). Walaupun pandemik masih membelenggu seluruh dunia pada tahun tersebut, program latihan tetap boleh dilaksanakan dengan bantuan teknologi terkini yang mampu diaplikasikan ke tahap optimum.

Selain daripada program latihan di bawah pemantauan JPI, terdapat penawaran program-program pengajian yang diluluskan meliputi biasiswa pengajian, Skim Pinjaman Pengajian Luar Kampus, Program Kerjasama Agensi Luar dan Program Pensijilan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Berikut adalah ringkasan kepada program kursus dan latihan yang dijalankan pada tahun 2021:

BIL.	PROGRAM/KURSUS	BIL. PENYERTAAN
Individual Development Programme (IDP)		
1.	Konvensyen Setiausaha	147
2.	Kursus Sembang-Sembang ASNB	1,659
3.	<i>On-The-Job Training</i> Penempatan Semula Eksekutif Hasil (Pentadbiran) 1 Mac 2021	3
4.	JPI <i>English Proficiency Program</i>	46
5.	Konvensyen ACO	91
6.	Taklimat Penolong Eksekutif Hasil Lantikan 15 & 16 Ogos 2021	142
7.	Taklimat Penolong Eksekutif Hasil Lantikan 15 September 2021	13
8.	<i>Key Organisational Insight (KOI)</i> : JPI: Perkhidmatan dan Saraan	221
9.	<i>Key Organisational Insight (KOI)</i> : JPI: Kemudahan Perubatan Pegawai & Tanggungan di LHDNM	223
Leadership Development Programme (LDP)		
1.	<i>Mastering Negotitation: Building Agreements Acrosss Boundaries</i>	4
2.	<i>Strategic Leadership: Enhancing Your Personal Effectiveness</i>	2
3.	<i>Senior Executive Fellow</i>	1
4.	<i>Leadership Decision Making: Optimizing Organizational Performance</i>	2
5.	<i>Leadership 4.0: The Rise Of The Digital Leader</i>	2
6.	<i>Strategic Workforce Planning</i>	1
7.	<i>Oxford Organisational Effectiveness Programme</i>	2
8.	<i>Oxford Strategic Innovation Programme</i>	2
9.	<i>Executive Program On Tax And Digital Transformation</i>	1
10.	<i>Board Transformational & Smart Governance Roundtable Malaysia 2021</i>	1
Expert Development Programme (EDP)		
1.	<i>Anti-Money Laundering: Current Trends, Prosecutions and The Challenges Around Crypto Assets, International Academy for Tax Crime Investigation</i>	4
2.	<i>National Conference On Behavioural Insight 2021</i>	10
3.	<i>Procurement and Contracts Management</i>	2
4.	<i>Recruitment in the Age of COVID-19 Sourcing and Attracting Game-Changing Talent in an Era of Virtual and Remote Recruiting</i>	2
5.	<i>International Taxation for Asian Countries (JICA) Business Continuity Management</i>	2
6.	<i>Sucesion Planning In 2021</i>	1
7.	<i>ISO 22301:2019 Business Continuity Management Systems Internal Auditing</i>	1
8.	<i>Power BI Dashboard</i>	2
9.	<i>Intensive Transfer Procing Documentation</i>	2
10.	<i>HR Metrics Analytics and Dashboard Masterclass</i>	2
11.	<i>Certified International Procurement Manager (CIPM)</i>	1

12.	<i>Strategic Records Management, Retention and Destruction Masterclass</i>	3
13.	<i>Performance Management</i>	2
14.	<i>Fundamentals of Oil & Gas Exploration & Production</i>	6
15.	<i>Advance Professional International Taxation Certificate (APCIT)</i>	2
16.	<i>Business Continuity Management</i>	2
Program Biasiswa LHDNM, Pensijilan Profesional dan Program Kerjasama		
1.	Biasiswa Pengajian LHDNM Tahun 2021	Sarjana: 1 PhD: 1
2.	Program Profesional/ Pensijilan: Kursus Kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Kategori A4 Secara Separuh Masa	2
3.	Program Kerjasama <i>Master Science (International Accounting)</i> bersama Universiti Utara Malaysia (UUM)	22
4.	Skim Pinjaman Pengajian Luar Kampus (SPPLK)	2
5.	Kelulusan Pengajian Jarak Jauh (PJJ)	15

APM bertanggungjawab dalam menyediakan modul penilaian bagi mengukur kemajuan dan peningkatan kualiti kerja selepas seseorang pegawai selesai menghadiri kursus. Kursus-kursus yang telah dinilai pada tahun 2021 adalah:

- a) Kursus Ujian Kemampuan Bil. 1/2020;
- b) Kursus *High Impact Performance For Telephonist e-Learning* Bil. 1/2021;
- c) Kursus Microsoft PowerPoint Bil. 1/2021 Secara Maya (*Virtual Class*);
- d) Kursus *Means Test* (Siri 3);
- e) Kursus Penerimaan Bayaran Tamat Perkhidmatan; dan
- f) Kursus Audit Atas Elaun Pelaburan Semula (Teori) Bil. 2/2021.

1.2 Memantapkan Pengurusan Pengetahuan (Knowledge Management)

APM juga telah mendokumentasikan pengalaman dan pengetahuan pegawai bersara dan bakal bersara dalam kalangan 20 orang pengarah berjawatan *Key Leadership/ Key Critical Position*. Proses ini amat penting dalam mempersiapkan legasi serta barisan kepimpinan baharu agar setanding dengan pegawai-pegawai yang akan meninggalkan perkhidmatan di LHDNM. Sebanyak empat (4) pengalaman dan pengetahuan pegawai bakal bersara bagi tahun 2021 telah didokumentasikan pada tarikh 13 Oktober, 17 Oktober, 8 Disember dan 16 Disember 2021.

1.3 Menambah / Menerbitkan Bahan Rujukan, Buku dan Artikel Berkaitan Percukaian

Sebagai sebuah bahagian yang mempunyai peranan besar dalam pembelajaran dalaman LHDNM, APM mengambil perhatian terhadap keperluan semasa pegawai yang memerlukan rujukan dalaman yang mendalam dan menyeluruh berkaitan percukaian yang melibatkan Akta Cukai yang ditadbir oleh LHDNM. Bagi tahun 2021, penulisan buku bertajuk *Duti Setem dan Surat Cara Pajakan* telah diterbitkan pada 10 November 2021 dan proses penjualan dalam kalangan Hasilian juga telah dilaksanakan.

OBJEKTIF STRATEGIK 2 : PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF DAN SELAMAT

Persekitaran kerja mempunyai kesan yang tinggi ke atas komitmen pekerja. Komitmen pekerja yang rendah akan mempengaruhi prestasi kerja dan mendatangkan masalah seperti ketidakhadiran kerja, tekanan, kemalangan di tempat kerja dan seterusnya mengganggu kesejahteraan pekerja. Persekitaran kerja yang kondusif sebagai pemangkin kepada produktiviti pekerja. Ia dilihat dapat mewujudkan inovasi yang baik dalam sesebuah organisasi. Oleh itu perubahan aspek persekitaran kerja yang lebih terutama melibatkan aspek persekitaran fizikal seperti kecekapan pekerja, hubungan pekerjaan yang baik di tempat kerja, melaksanakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja, wujudkan budaya kerja yang selamat, pasti akan menjamin komitmen pekerja. Persekitaran kerja yang baik, peningkatan prestasi dan kesejahteraan pekerja dapat mewujudkan inovasi dalam organisasi.

LHDNM telah menerima penarafan *Green Building Index (GBI)* bagi Menara Hasil Cawangan Kluang yang berkuat kuasa pada 8 Disember 2021 sehingga 7 Disember 2024. Penarafan sebegini membuktikan komitmen LHDNM yang tidak berbelah bahagi dalam menyediakan infrastruktur serta fasiliti terbaik kepada pekerjanya di samping memberi penekanan yang tinggi terhadap aspek keselamatan.



OBJEKTIF STRATEGIK 3 : KELESTARIAN KEPIMPINAN DAN KEPAKARAN

3.1 Mengenal Pasti Dan Membangunkan Kepakaran

Sebagai salah sebuah organisasi yang sentiasa dijadikan rujukan oleh banyak agensi dalam pelbagai bidang, LHDNM juga bertanggungjawab dalam memastikan pegawai-pegawai yang berkebolehan dapat dikenal pasti dan dibimbing ke arah pentauliahan terhadap sesuatu perkara, terutamanya yang mampu memberikan nilai tambah dan manfaat kepada organisasi.

Berikut adalah beberapa pegawai LHDNM yang telah ditauliahkan dengan pensijilan yang berkaitan :

BIL.	NAMA PEGAWAI	PENSIJILAN
1.	Puan Noraini binti Mustafa, Jabatan Logistik Korporat	<i>Certified International Procurement Manager (CIPM)</i> pada 2 hingga 4 Ogos 2021
2.	Puan Nur Nisrin Alina binti Abdul Aziz, Jabatan Logistik Korporat	Sijil Pentauliah Perolehan Kerajaan (Kerja) pada 16 Disember 2021
3.	Encik Ahmad Khairuddin bin Abdullah, Jabatan Resolusi Pertikaian	<i>Mastering Negotiation: Building Agreement Across Boundaries</i> daripada Harvard Kennedy School, Executive Education, Harvard University
4.	Encik Johari bin Yaacob, Jabatan Resolusi Pertikaian	<i>e-Learning On Expediting Tax Dispute Resolution</i> daripada <i>The Belt and Road Initiative Tax Administration Capacity Enhancement Group (BRITACOM)</i>

OBJEKTIF STRATEGIK 4 : ORGANISASI DINAMIK

4.1 Memperkasa e-Pembelajaran

Seiring dengan keperluan semasa, APM turut memperkasakan e-Pembelajaran sedia ada dengan beberapa inisiatif yang dilihat amat membantu pegawai-pegawai yang terlibat dengan kursus pembelajaran jangka pendek dan panjang. Ini termasuklah menjejak log aktiviti pengguna melalui aplikasi e-Pembelajaran, yang mana perkeyasaan semula dalaman sistem Moodle LMS telah dibangunkan yang merangkumi fungsi jejak log aktiviti siap pada 30 Disember 2021 dan akan mula digunakan pada tahun 2022.

4.2 Pemantapan Modal Insan Yang Fleksibel Dan Dinamik

Persekitaran kerja yang kondusif merupakan salah satu elemen yang penting dan diberi penekanan oleh pengurusan LHDNM dan seterusnya memberi impak kepada prestasi organisasi. Dalam konteks ini, LHDNM secara konsisten telah melaksanakan kajian kepuasan bekerja untuk mengenal pasti tahap kepuasan pegawai berdasarkan 13 pecahan komponen penilaian yang dilihat sangat berkait rapat dengan pembentukan persekitaran dan budaya kerja yang positif dan kondusif dalam tempoh jangka panjang.

Sehingga Disember 2021, seramai 10,849 orang pegawai yang sedang berkhidmat di LHDNM di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini 330 orang (3.04%) terdiri dari kumpulan pengurusan, 3,990 orang (36.77%) kumpulan eksekutif dan 6,529 orang (60.18%) kumpulan bukan eksekutif. Taburan mengikut jantina dan kumpulan seperti di Jadual 1.

KUMPULAN	LELAKI		WANITA	
	2021	2020	2021	2020
Pengurusan	182	182	148	144
Eksekutif	1,796	1,815	2,194	2,202
Bukan Eksekutif	2,811	2,860	3,718	3,805
JUMLAH	4,789	4,857	6,060	6,151

Jadual 1: Taburan Pegawai LHDNM Mengikut Jantina dan Kumpulan

Justeru itu adalah relevan bagi LHDNM untuk mengetahui sejauh mana pegawai telah berpuas hati terhadap pengurusan, kemudahan dan tahap integriti serta lain-lain aspek yang berkaitan selaras dengan kedudukan LHDNM sebagai sebuah organisasi bertaraf dunia.

LHDNM melaksanakan Kajian Kepuasan Bekerja sebanyak dua (2) fasa dalam setahun bertujuan untuk meninjau tahap kepuasan bekerja dalam kalangan pegawai LHDNM dan dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Sistem Pengurusan Insan (SPI). Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dan dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pengurusan Insan (JPI).

Keputusan Kajian Kepuasan Bekerja Fasa 1 Tahun 2021 (Mei):

- » Berpuas hati: 96.96%
- » Responden menjawab: 96.41%

Keputusan Kajian Kepuasan Bekerja Fasa 2 Tahun 2021 (Oktober):

- » Berpuas hati: 96.80%
- » Responden menjawab: 99.24%

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa bagi Fasa I sebanyak 96.41% pegawai telah mengisi kajian manakala bagi Fasa II pula sebanyak 99.24% pegawai telah mengisi kajian kepuasan bekerja. Jumlah purata tahap kepuasan bekerja pegawai LHDNM pada tahun 2021 adalah 96.88% dan daripada jumlah ini telah diperincikan juga peratusan tahap kepuasan bekerja mengikut komponen kajian seperti jadual di bawah:

BIL.	KOMPONEN	PERATUSAN PUAS HATI (%)	
		2021	2020
1.	Budaya Kerja	96.35	96.73
2.	Tugas Dan Tanggungjawab	97.24	97.78
3.	Pengurusan Jab/ Bhg/ PPN/ Caw/ CSi LHDNM	95.34	95.85
4.	Pengurusan Atasan LHDNM	97.56	97.90
5.	Latihan	95.30	93.68
6.	Inovasi Dan Kreativiti	97.05	97.44
7.	Sumber Maklumat/Informasi	97.60	97.93
8.	Komunikasi	96.65	97.24
9.	Penilaian Prestasi	94.91	94.86
10.	Ganjaran Dan Kemudahan	96.21	96.94
11.	Persekitaran Kerja	95.77	95.70
12.	Penghargaan	96.02	96.44
13.	Integriti	98.75	98.99

Berdasarkan pencapaian tersebut, rata-rata pegawai berpuas hati dengan pengurusan serta persekitaran kerja di LHDNM walaupun dalam tempoh pandemik dan ia selari dengan nilai teras LHDNM iaitu **Happy, Teamwork, Professionalism, Integrity**, dan **Excellence** yang diterjemahkan dalam bentuk mantera iaitu Hasilian sentiasa ceria dan seronok bekerja dalam satu pasukan dengan profesional berteraskan integriti untuk mencapai kecemerlangan.

Dalam pada itu, program kesedaran penjagaan kesihatan turut dilaksanakan bagi mempromosikan *work-life balance* di antara tugas dan penjagaan kesihatan pegawai dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti pegawai. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 26 program kesedaran penjagaan kesihatan telah dijalankan merangkumi aktiviti-aktiviti berikut :

- a) Ceramah dan program kesihatan bersama ETIQA Family Takaful Berhad;
- b) Taklimat Online Webinar Pelan Insurans Persaraan Etiqa Smartsave Takaful;
- c) Ceramah kesihatan oleh ASP Medical Sdn Bhd;
- d) Program *workout* secara dalam talian; dan
- e) Hebahan infografik kesihatan melalui e-mel.

4.3 Memperkasa Pengurusan Organisasi Secara *Lean Organisation*

Modal insan merupakan aset utama setiap organisasi. LHDNM sentiasa memastikan modal insan yang ditawarkan berkhidmat di organisasi ini mempunyai tahap kompetensi yang ditetapkan bagi memacu kecemerlangan organisasi. Tahun 2021 merupakan tahun kedua yang mencabar kerana seluruh dunia berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang secara keseluruhannya mengubah norma kehidupan dan kerja seharian.

Di LHDNM, bagi memastikan keperluan modal insan dilaksanakan, norma baru kaedah pemerolehan bakat baru dilaksanakan secara dalam talian dan bersemuka setelah mengambil kira risiko jangkitan COVID-19 dan keperluan organisasi. Seramai 2,318 orang calon yang dipanggil temuduga bagi jawatan Eksekutif Hasil dan Penolong Eksekutif pelbagai bidang untuk mengisi kekosongan sedia ada di Jabatan dan Cawangan di seluruh Malaysia. Pegawai-pegawai ini telah dipilih melalui proses saringan yang ketat dan mempunyai gabungan latar belakang akademik yang cemerlang dan pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang berkaitan.

Pegawai telah diberi latihan secara dalam talian untuk melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan untuk menjadi pegawai percukaian yang cemerlang dan profesional. Pegawai juga telah melaksanakan tugas sama ada secara bekerja dari rumah (BDR) atau di pejabat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Mereka merupakan kumpulan bakat baharu yang banyak berinteraksi secara maya atau dalam talian serta melaksana tugas selari dengan norma baharu dan tidak menjejaskan pelaksanaan tugas dan produktiviti pegawai.



Anugerah Dan Pengiktirafan

Anugerah Dan Pengiktirafan

PENERIMA

ANUGERAH

SIJIL AUDIT BERSIH

LHDNM

Syabas dan tahniah kepada LHDNM atas pencapaian membanggakan menerusi penganugerahan Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 oleh Jabatan Audit Negara. Pencapaian ini berjaya dikekalkan untuk 19 tahun berturut-turut.

Tarikh: 2 Januari 2021

GOLD MEDAL AWARD – PUBLIC SERVICE INNOVATION AWARDS 2021

LHDNM

Tahniah dan syabas LHDNM atas kejayaan menerima pengiktirafan *Gold Medal Award* dalam program penganugerahan *Public Service Innovation Awards (PSIA) 2021* bagi sistem MyTax oleh pihak PROTEMP Group, yang diadakan bersempena dengan *Malaysia Technology Expo (MTE) 2021* pada 22-26 Mac 2021. Keputusan telah disampaikan sempena MTE 2021 dan diumumkan oleh Encik Hussein Mohd Ariff, *PSIA Committee Chair* dan *President of Malaysia Association of Creativity and Innovation Malaysia*.

Tarikh: 24 Mac 2021

TEMPAT PERTAMA – MONTAJ DAN LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN TERBAIK 2020

**SRIKANDI
HASIL**

Tahniah Srikandi Hasil kerana memenangi tempat pertama Montaj dan Laporan Aktiviti Tahunan Terbaik 2020 sempena Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Kewangan Malaysia kali ke-38.

Tarikh: 26 Mac 2021

PENSIJILAN ISO 22301:2019

LHDNM

Syabas dan tahniah diucapkan kepada LHDNM atas kejayaan menerima pensijilan ISO 22301:2019 untuk skop Sistem Kesyukuran Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Bayaran Bayaran Balik Cukai Pendapatan Syarikat yang dikendalikan oleh LHDNM di Ibu Pejabat Menara Hasil Cyberjaya.

Tarikh: 30 April 2021

NAIB JOHAN SUKANUN VIRTUAL EDITION 2021**LHDNM**

Tahniah LHDNM kerana merangkul gelaran Naib Johan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia *Virtual Edition 2021* (SUKANUNVE 2021) yang telah diadakan secara dalam talian pada 19-22 Ogos 2021. Edisi kali pertama ini dikelolakan oleh Universiti Teknologi MARA dan mempertandingkan 7 jenis permainan iaitu *Player Unknown Battleground, Mobile Legend, Valorant, Pro-Evolution Soccer Mobile, FIFA2021, Call of Duty Mobile* dan Moto GP. Penganjuran julung kali ini telah disertai oleh 36 agensi badan berkanun seluruh Malaysia.

LHDNM melalui Majlis Kebajikan & Sukan Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menghantar 54 orang pegawai dan atlet untuk menyertai edisi SUKANUNVE 2021 ini sekali gus menggondol dua pingat emas dalam acara *Valorant* dan *Call of Duty Mobile*.

Tarikh: 23 Ogos 2021**PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LHDNM****KPE
LHDNM**

Syabas dan tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, atas pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mulai 19 Oktober 2021.

Tarikh: 19 Oktober 2021**PELANTIKAN SEBAGAI HEAD OF THE EXECUTIVE COUNCIL OF ASSOCIATION OF TAX AUTHORITIES OF ISLAMIC COUNTRIES (ATAIC)****KPE
LHDNM**

Syabas dan tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM yang mewakili Malaysia, atas pelantikan sebagai *Head Of The Executive Council Of Association Of Tax Authorities Of Islamic Countries* (ATAIC), bagi tempoh 2021 – 2023.

Tarikh: 29 November 2021

PENSIJILAN ISO 22301: 2019



LAWATAN AUDIT OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL 26 - 30 APRIL 2021

SKOP: SISTEM PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN BAYARAN BALIK CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT YANG DIKENDALIKAN OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA DI IBU PEJABAT MENARA HASIL CYBERJAYA

PASUKAN PELAKSANAAN:

JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

JABATAN PUNGUTAN HASIL

JABATAN OPERASI CUKAI

JABATAN KHIDMAT KORPORAT

JABATAN LOGISTIK KORPORAT

BAHAGIAN KOMUNIKASI, PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Bantuan Khas Kerajaan

Bantuan Khas Kerajaan

1.0 PENGENALAN

Bantuan Khas Kerajaan pada tahun 2021 diteruskan dengan pelaksanaan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021 ditambah baik untuk memelihara kebajikan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Bagi menjayakan matlamat program BPR 2021 ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sekali lagi diberi kepercayaan oleh Kerajaan sebagai agensi pelaksana dalam memproses dan membuat verifikasi kelayakan permohonan.

Susulan daripada prestasi cemerlang yang dipamerkan, LHDNM juga telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab oleh Kerajaan untuk terlibat secara langsung dalam melaksanakan polisi-polisi Kerajaan yang lain dalam tahun 2021 bagi Pelaksanaan Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP). Bantuan tunai ini diwujudkan bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup pada bulan-bulan mendatang.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM BANTUAN KHAS KERAJAAN

2.1 BANTUAN PRIHATIN RAKYAT 2021 (BPR 2021)

PERKARA	TEMPOH PENDAFTARAN	PERUNTUKAN (RM)	SASARAN	TUJUAN
BPR 2021	15/1/2021 - 15/2/2021	6.5 Billion	8.1 juta Penerima	Penambahbaikan Bantuan Kewangan (Strategi ke-2 untuk memelihara kebajikan golongan rentan)

2.2 BANTUAN KHAS COVID-19 (BKC)

PERKARA	TEMPOH PENDAFTARAN	PERUNTUKAN (RM)	SASARAN	TUJUAN
BKC	Tiada tempoh permohonan (Berdasarkan data sedia ada BPR 2021 dan Data Percukaian)	4.6 Billion	11 juta isi rumah dan individu warga emas serta bujang Penerima BPR 2021 (kategori B40) dan kategori M40 (RM2,501-RM9,000)	Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat

2.3 BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN (BKP)

PERKARA	TEMPOH PENDAFTARAN	PERUNTUKAN (RM)	SASARAN	TUJUAN
BKP	Tiada tempoh permohonan (berdasarkan data Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam tahun 2021)	500 Juta	1 juta ahli yang kehilangan pendapatan	Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat

2.4 GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)

PERKARA	TEMPOH PENDAFTARAN	PERUNTUKAN (RM)	TUJUAN
GKP PERMAI	Tiada tempoh pendaftaran. Penerima GKP Tambahan (PERMAI) diberikan kepada penerima yang lulus GKP 1.0 dan GKP 2.0 termasuk lulus rayuan.	650 Juta	<ul style="list-style-type: none"> i) Bantuan kewangan tambahan secara <i>one-off</i> yang disediakan oleh Kerajaan kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang telah menerima bantuan Geran Khas Prihatin (GKP 1.0 dan GKP 2.0) sebelum ini. ii) Amaun bantuan GKP PERMAI secara <i>one-off</i> adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - KS mikro bagi negeri di bawah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – RM1,000 - PKS mikro bagi lain-lain negeri – RM500
GKP 3.0	01/04/2021 sehingga 15/04/2021	1.5 Bilion	<p>Pemohon yang menjalankan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada RM300,000; dan - Jumlah pekerja kurang daripada 4 orang, tidak termasuk pemilik; dan - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum atau pada 28 Februari 2021;
GKP PEMERKASA PLUS	Tiada tempoh pendaftaran Penerima: <ul style="list-style-type: none"> i. Lulus GKP 1.0 dan GKP 2.0 ii. Permohonan baharu GKP 3.0 dan berstatus Lulus 	500 Juta	GKP PEMERKASA (PLUS) diberikan kepada penerima yang lulus GKP 1.0 / GKP 2.0 / GKP 3.0 termasuk lulus rayuan.
GKP 4.0	15/07/2021 sehingga 31/07/ 2021	6.08 Bilion	<p>Pemohon yang menjalankan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada RM300,000; dan - Jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 4 orang, tidak termasuk pemilik; dan - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum atau pada 28 Februari 2021.

3.0 STATISTIK

3.1 BANTUAN PRIHATIN RAKYAT 2021 (BPR 2021)

PERMOHONAN BAHARU & KEMAS KINI

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
BPR 2021	11,624,943	8,382,943	3,572,684

LAPORAN PERMOHONAN BPR 2021 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JUMLAH	BUJANG ≤ RM2500	ISI RUMAH ≤ RM2500	ISI RUMAH RM2501 - RM4000	ISI RUMAH RM4001 - RM5000
JOHOR	1,033,630	463,322	462,189	78,918	29,201
KEDAH	683,091	293,117	332,029	43,641	14,304
KELANTAN	576,832	275,961	266,139	26,226	8,506
MELAKA	254,109	111,078	112,765	21,878	8,388
NEGERI SEMBILAN	328,221	142,689	149,759	26,040	9,733
PAHANG	452,082	203,140	210,599	28,533	9,810
PERAK	801,576	348,738	383,889	51,073	17,876
PERLIS	80,996	33,751	40,933	4,694	1,618
PULAU PINANG	448,674	193,330	208,596	34,760	11,988
SABAH	781,915	368,354	369,607	32,840	11,114
SARAWAK	871,978	371,674	436,559	48,105	15,640
SELANGOR	1,235,497	595,585	488,874	109,000	42,038
TERENGGAN	381,409	180,860	173,067	20,800	6,682
W.P. KUALA LUMPUR	420,686	201,086	172,048	33,485	14,067
W.P. LABUAN	20,756	9,475	8,966	1,693	622
W.P. PUTRAJAYA	11,461	5,915	1,757	2,530	1,259
LAIN-LAIN NEGERI	30	25	5	0	0

PERMOHONAN RAYUAN

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
BPR 2021	414,305	185,850	228,455

LAPORAN PERMOHONAN RAYUAN BPR 2021 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JUMLAH	BUJANG ≤ RM2500	ISI RUMAH ≤ RM2500	ISI RUMAH RM2501 - RM4000	ISI RUMAH RM4001 - RM5000
JOHOR	26,517	6,203	13,791	4,182	2,341
KEDAH	11,500	3,206	5,406	1,849	1,039
KELANTAN	8,410	2,256	4,299	1,236	619
MELAKA	6,411	1,632	2,662	1,314	803
NEGERI SEMBILAN	8,206	2,169	3,645	1,503	889
PAHANG	8,333	2,046	4,221	1,307	759
PERAK	15,927	4,632	7,285	2,518	1,492
PERLIS	1,283	361	647	172	103
PULAU	10,740	3,069	4,625	1,900	1,146
SABAH	14,898	3,762	8,708	1,544	884
SARAWAK	13,066	4,071	6,251	1,750	994
SELANGOR	39,734	9,505	17,904	7,932	4,393
TERENGGAN	5,597	1,376	2,851	888	482
W.P. KUALA LUMPUR	14,293	4,055	6,319	2,497	1,422
W.P. LABUAN	475	107	240	82	46
W.P. PUTRAJAYA	460	95	82	133	150
LAIN-LAIN NEGERI	-	-	-	-	-

3.2 BANTUAN KHAS COVID-19 (BKC)

PERKARA	FASA	BILANGAN PENERIMA
BKC	FASA 1	9,970,488
	FASA 2	733,891
	FASA 3	3,891,187

LAPORAN PERMOHONAN BKC MENGIKUT NEGERI

NEGERI	KESELURUHAN	FASA 1 MISKIN TEGAR B40 M40	FASA 2 MISKIN TEGAR	FASA 3 MISKIN TEGAR B40
	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PENERIMA		
JOHOR	1,766,988	1,220,444	51,824	494,720
KEDAH	1,141,637	768,700	53,770	319,167
KELANTAN	965,803	633,600	92,016	240,187
MELAKA	450,197	306,528	25,412	118,257
NEGERI SEMBILAN	572,699	394,425	24,964	153,310
PAHANG	760,793	519,048	30,865	210,880
PERAK	1,345,060	925,664	66,834	352,562
PERLIS	141,762	90,304	14,408	37,050
PULAU PINANG	794,361	556,969	36,122	201,270
SABAH	1,295,704	864,476	70,303	360,925
SARAWAK	1,527,230	987,380	112,890	426,960
SELANGOR	2,291,816	1,623,455	75,406	592,955
TERENGGANU	643,353	421,927	52,858	168,568
W.P. KUALA LUMPUR	807,737	591,656	22,835	193,246
W.P. LABUAN	38,436	24,926	2,928	10,582
W.P. PUTRAJAYA	29,793	22,639	439	6,715
LAIN-LAIN NEGERI	22,197	18,347	17	3,833
JUMLAH KESELURUHAN	14,595,566	9,970,488	733,891	3,891,187

3.3 BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN (BKP)

DATA KWSP DAN PERKESO

PERKARA	JUMLAH PENERIMA
BKP	841,026

LAPORAN PERMOHONAN BKP MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN PENERIMA
JOHOR	97,658
KEDAH	58,048
KELANTAN	41,844
MELAKA	26,475
NEGERI SEMBILAN	34,119
PAHANG	41,199
PERAK	66,938
PERLIS	6,326
PULAU PINANG	43,458
SABAH	72,263
SARAWAK	75,283
SELANGOR	160,731
TERENGGANU	35,678
W.P. KUALA LUMPUR	57,803
W.P. LABUAN	2,340
W.P. PUTRAJAYA	1,650
LAIN-LAIN	19,213
JUMLAH	841,026

3.4 GERAN KHAS PRIHATIN 3.0 (GKP 3.0)

PERMOHONAN GKP 3.0 DAN PENERIMA SEDIA ADA GKP 1.0 & 2.0

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
GKP 3.0	1,049,039	966,560	82,479

LAPORAN PERMOHONAN GKP 3.0 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH BAYARAN (RM)
JOHOR	125,261	62,630,500
KEDAH	74,989	37,494,500
KELANTAN	67,040	33,520,000
MELAKA	35,259	17,629,500
NEGERI SEMBILAN	44,236	22,118,000
PAHANG	56,022	28,011,000
PERAK	83,506	41,753,000
PERLIS	12,268	6,134,000
PULAU PINANG	57,791	28,895,500
SABAH	54,770	27,385,000
SARAWAK	36,762	18,381,000
SELANGOR	195,959	97,979,500
TERENGGANU	48,377	24,188,500
W.P. KUALA LUMPUR	69,039	34,519,500
W.P. LABUAN	3,016	1,508,000
W.P. PUTRAJAYA	2,265	1,132,500
LAIN-LAIN NEGERI	0	0
JUMLAH	966,560	483,280,000

3.5 GERAN KHAS PRIHATIN 4.0 (GKP 4.0)

PERMOHONAN GKP 4.0 DAN PENERIMA SEDIA ADA GKP 1.0, 2.0 DAN 3.0

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
GKP 4.0	1,116,884	1,003,560	113,324

* Jumlah permohonan termasuk permohonan sedia ada GKP 1.0, GKP 2.0 dan GKP 3.0.
Jumlah Data Fasa 2 GKP 4.0 adalah berdasarkan petikan data ke bank

LAPORAN PERMOHONAN GKP 4.0 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH BAYARAN (RM)
JOHOR	130,555	65,277,500
KEDAH	77,272	38,636,000
KELANTAN	68,571	34,285,500
MELAKA	36,634	18,317,000
NEGERI SEMBILAN	45,981	22,990,500
PAHANG	57,623	28,811,500
PERAK	86,397	43,198,500
PERLIS	12,567	6,283,500
PULAU PINANG	60,465	30,232,500
SABAH	55,159	27,579,500
SARAWAK	37,846	18,923,000
SELANGOR	206,502	103,251,000
TERENGGANU	49,551	24,775,500
W.P. KUALA LUMPUR	72,935	36,467,500
W.P. LABUAN	3,090	1,545,000
W.P. PUTRAJAYA	2,412	1,206,000
LAIN-LAIN NEGERI	0	0
JUMLAH	1,003,560	501,780,000

4.0 SEMAKAN STATUS KELULUSAN

JENIS BANTUAN	KAEDAH
BPR 2021	a. Talian BSH 1-800-88-2747 b. Hadir ke LHDNM c. Secara dalam talian Portal Rasmi BPR (Aplikasi Semakan Mobile BPR) d. SMS Blast
BKC	a. Hadir Cawangan LHDNM b. Portal Rasmi BKC c. SMS Blast
BKP	a. Hadir Cawangan LHDNM b. Portal Rasmi BKP
GKP PERMAI	a. Hadir Cawangan LHDNM b. Portal Rasmi GKP c. Talian BKK 1-800-88-2716
GKP 3.0	a. Hadir Cawangan LHDNM b. Portal Rasmi GKP c. Talian BKK 1-800-88-2716
GKP PEMERKASA PLUS	a. Hadir Cawangan LHDNM b. Portal Rasmi GKP c. Talian BKK 1-800-88-2716
GKP 4.0	a. Hadir Cawangan LHDNM b. Portal Rasmi GKP c. Talian BKK 1-800-88-2716

5.0 PEMBAYARAN

5.1 BANTUAN PRIHATIN RAKYAT 2021 (BPR 2021)

KATEGORI PENERIMA	PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)	NILAI BANTUAN ISI RUMAH ≤ 1 ANAK (RM)	NILAI BANTUAN ISI RUMAH ≥ 2 ANAK (RM)	KAEDAH BAYARAN	AGIHAN BAYARAN
Isi Rumah	5,000 - 4,001	500 – Bukan Warga Emas 600 – Warga Emas	750	Pengkreditan ke Akaun dan Tunai di BSN	Fasa 1 24 Februari 2021 (Data sedia ada Lulus BSH 2020 / BPN 2.0)
	4,000 - 2,501	800	1,200		Fasa 2 7 Mei 2021 (Data permohonan BPR 2021 yang telah diverifikasi kelayakan)
	2,500 dan ke bawah	1,200	1,800		
Bujang Tiada Anak (berumur 60 tahun dan ke atas)	5,000 dan ke bawah	600	Fasa 3 28 September 2021 (Data permohonan BPR 2021 yang telah diverifikasi kelayakan))		
Bujang Tiada Anak (berumur 21 tahun – 59 tahun)	2,000 dan ke bawah	300	Rayuan 28 September 2021		

5.2 BANTUAN KHAS COVID-19 (BKC)

JENIS BANTUAN	KATEGORI PENERIMA	JUMLAH BANTUAN (RM)	KAEDAH BAYARAN	AGIHAN BAYARAN	
BKC	Miskin (Data JKM / eKasih)	Isi rumah (RM5,000 dan ke bawah)	1,300	Pengkreditan ke Akaun dan Tunai di BSN	<p>Fasa 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Miskin / B40 : Mulai 6 September 2021 M40 : Mulai 9 September 2021 <p>Fasa 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Miskin : Mulai 25 November 2021 <p>Fasa 3</p> <ul style="list-style-type: none"> Miskin / B40 : Mulai 20 Disember 2021
		Bujang Warga Emas (RM2,500 dan ke bawah)	500		
		Bujang Bukan Warga Emas (RM2,500 dan ke bawah)	500		
	B40	Isi rumah (RM5,000 dan ke bawah)	800		
		Bujang Warga Emas (RM2,500 dan ke bawah)	200		
		Bujang Bukan Warga Emas (RM2,500 dan ke bawah)	200		
	M40	Isi rumah (RM5,001 hingga RM9,000)	250		
		Bujang Warga Emas (RM5,000)	100		
		Bujang Bukan Warga Emas (RM5,000)	100		

5.3 BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN (BKP)


JENIS BANTUAN	KATEGORI PENERIMA	JUMLAH BANTUAN (RM)	KAEDAH BAYARAN	AGIHAN BAYARAN
BKP	Penerima yang layak adalah berdasarkan data KWSP dan PERKESO	500	Pengkreditan ke akaun bank / Tunai di BSN	Mulai 26 Oktober 2021

5.4 GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)

JENIS BANTUAN	KATEGORI PENERIMA	JUMLAH BANTUAN (RM)	KAEDAH BAYARAN	AGIHAN BAYARAN
GKP Tambahan (PERMAI)	Penerima yang Lulus GKP 1.0 dan GKP 2.0	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PKS Mikro bagi negeri PKP : 1,000 ▪ PKS Mikro bagi lain-lain negeri bukan PKP (Sarawak) : 500 	Pengkreditan ke akaun persendirian pemohon yang didaftarkan dan akaun mestilah aktif	Mulai 24 Mac 2021
GKP 3.0	Penerima yang lulus GKP 1.0 dan GKP 2.0 serta permohonan baharu GKP 3.0 dan berstatus Lulus	1,000	Pengkreditan ke akaun persendirian pemohon yang didaftarkan dan akaun mestilah aktif	Mulai 9 Jun 2021
GKP PEMERKASA (PLUS)	Penerima yang lulus GKP 1.0 dan GKP 2.0 serta permohonan baharu GKP 3.0 dan berstatus Lulus	500	Pengkreditan ke akaun persendirian pemohon yang didaftarkan dan akaun mestilah aktif	Mulai 12 Julai 2021
GKP 4.0	Penerima yang lulus GKP 1.0 / GKP 2.0 / GKP 3.0 serta permohonan baharu GKP 4.0 dan berstatus Lulus	1,000	Pengkreditan ke akaun persendirian pemohon yang didaftarkan dan akaun mestilah aktif	<p>Fasa 1- 21 September 2021</p> <p>Fasa 2- 23 November 2021</p>

6.0 AKTIVITI BAHAGIAN BANTUAN KHAS KERAJAAN

6.1 PEMBUKAAN KAUNTER PENDAFTARAN BPR 2021



6.2 PROGRAM MALAYSIA PRIHATIN SETIAWANGSA DI PASAR PAGI DESA REJANG, SETIAWANGSA, KUALA LUMPUR (3 APRIL 2021)



6.3 BENGKEL PERANCANGAN PELAKSANAAN BKM 2022 (1 SEHINGGA 3 DISEMBER 2021)



6.4 MAJLIS PELANCARAN PROGRAM 100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (9 SEHINGGA 12 DISEMBER 2021)





**Program
Tanggungjawab
Sosial Korporat (CSR)
HASiL Prihatin**

LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) HASiL Prihatin merupakan program yang telah diusulkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam menterjemahkan usaha kerajaan untuk membantu dan memastikan kebajikan rakyat terbelah. Ia merupakan program penyerahan sumbangan Bakul Makanan yang dilaksanakan secara meluas melalui Pejabat Pengarah Negeri LHDNM di seluruh Malaysia, bagi menyalurkan bantuan barangan makanan kepada golongan yang memerlukan di saat negara kini sedang bergelut dengan pandemik Covid-19.

OBJEKTIF PROGRAM

Pelaksanaan Program **CSR HASiL Prihatin** ini merupakan inisiatif serta komitmen LHDNM untuk menyokong usaha kerajaan dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan masyarakat yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

1. PROGRAM CSR MOF-HASiL PRIHATIN

31 JULAI 2021

MOF dengan kerjasama LHDNM telah melaksanakan Program Penyerahan Sumbangan Bakul Makanan kepada golongan terjejas yang terdiri daripada berbilang kaum sekitar kawasan Segambut, Kuala Lumpur.

Program Penyerahan Sumbangan 1,000 bakul makanan yang berlangsung di Masjid Al-Qurtubi, Taman Sri Segambut, Kuala Lumpur ini telah disempurnakan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia dengan dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) LHDNM serta YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Menerusi Program CSR MOF-LHDNM Prihatin ini, bakul-bakul makanan telah disampaikan kepada wakil-wakil penerima sumbangan yang terdiri daripada penduduk di kariah empat buah masjid di kawasan Segambut iaitu:

- i. Masjid Al-Qurtubi, Taman Sri Segambut, Kuala Lumpur
- ii. Masjid Imam Al-Ghazali, Bandar Sri Manjalara, Kuala Lumpur
- iii. Masjid Al-Ubudiah, Bukit Segambut, Kuala Lumpur
- iv. Masjid Al-Firdaus, Segambut Luar, Kuala Lumpur

Program Penyerahan Sumbangan bakul makanan di Segambut Kuala Lumpur ini merupakan

langkah awal LHDNM dalam mengorak langkah memperluaskan pelaksanaan Program CSR HASiL Prihatin (Sumbangan Bakul Makanan) ke seluruh negara.

2. PROGRAM CSR HASiL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SABAH

26 OGOS 2021

Sumbangan 600 bakul makanan telah diserahkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, KPE LHDNM kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin yang kemudiannya diagihkan kepada penduduk setempat secara berperingkat.

Turut sama hadir ke program ini adalah Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M. Jasni, isteri kepada Tuan Yang Terutama Di-Pertua Negeri Sabah, Brigedier Jeneral Tuan Haji Al Hambra bin Tun Juhar, Pengerusi YNJ, YBhg. Datin Sri Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi Srikandi Hasil LHDNM dan Tuan Haji Ag. Damit bin Pg. Osman, Pengarah Cawangan Kota Kinabalu mewakili Pengarah Negeri Sabah, YBhg. Datuk Hajam bin Lajah Alam.

7 SEPTEMBER 2021

Cawangan Keningau telah bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Bahagian Keningau untuk melaksanakan Program Penyerahan Sumbangan 100 Bakul Makanan kepada golongan terpilih. Program ini telah berlangsung di Dewan Hasil LHDNM Cawangan Keningau dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hajam bin Lajah Alam, Pengarah Negeri LHDNM Sabah.

14 SEPTEMBER 2021

Cawangan Tawau telah menyumbangkan 100 bakul makanan di beberapa lokasi terpilih iaitu Wisma Hasil Tawau, Sekolah Kebangsaan Batu Payong, Tawau dan Dewan Sri Kijang, Kg. Kijang Merotai Tawau. Penyampaian bakul makanan telah disempurnakan oleh Pengarah Cawangan Tawau yang turut dihadiri oleh Pengarah Seksyen,

Pejabat Pengarah Negeri Sabah iaitu En. Shamrol Azly bin Azmi.

17 SEPTEMBER 2021

Program Penyerahan Sumbangan 100 Bakul Makanan telah diagihkan kepada Pengawal Keselamatan Bangunan LHDNM Sandakan, kakitangan pembersihan syarikat MCS serta penerima sumbangan di Sek. Ren. Keb. Bambang Sandakan, Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah, Cawangan Sandakan dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sandakan dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sandakan.

3. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI PERAK

28 OGOS 2021

Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan telah disampaikan oleh Pengarah Cawangan Taiping kepada penerima sumbangan di Pejabat Cawangan Taiping dan secara serahan sendiri ke kawasan sekitar Taiping, Kamunting, Changkat Jering, Trong, Simpang, Batu Kurau, Matang, Bagan Serai, Kuala Kangsar dan Grik.

14 SEPTEMBER 2021

Pelancaran Program CSR Hasil Prihatin peringkat negeri Perak telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Abu Tariq Bin Jamaluddin, TKPE (Dasar) LHDNM di Masjid An- Nur Batu 8, Ulu Kinta dengan kehadiran Encik Shaharrudy Bin Othman, Pengarah Negeri LHDNM Perak, Tuan Haji Harith Fadzilah bin Abdul Halim, Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Tuan Haji Abdul Hamid bin Buyong, Pengerusi Masjid An-Nur Batu 8, Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim, Pengarah Jabatan Siasatan LHDNM dan Encik Ahmad Khairuddin bin Abdullah, Pengarah Jabatan Resolusi Pertikaian LHDNM. Sebanyak 430 bakul makanan telah diagihkan kepada penerima sumbangan.

15 SEPTEMBER 2021

Program Penyerahan Sumbangan 170 Bakul Makanan telah disampaikan oleh Pengarah Cawangan Ipoh di Dewan Hasil Cawangan Ipoh kepada penerima sumbangan sekitar kawasan Meru, Kuil Sri Maha Kaliamman dan Surau Ar-Rahmaniah Taman Desa Aman.

23 SEPTEMBER 2021

Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan telah diadakan di Dewan Lestari Cawangan Teluk Intan, Dewan Serbaguna Daerah Bagan Datuk dan secara serahan sendiri oleh

Pengarah Cawangan Teluk Intan kepada wakil penerima sumbangan.

4. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT WP PUTRAJAYA

26 OGOS 2021

Sumbangan Bakul Makanan telah disampaikan oleh Encik Mohamad Fauzi bin Saat, Pengarah Negeri LHDNM WP Putrajaya kepada wakil-wakil penduduk di PPR Hiliran Ampang sempena program CSR HASIL Prihatin Peringkat PPN WP Putrajaya dan program simbolik penyerahan di Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur. Penyampaian sumbangan ini khusus untuk penduduk yang telah dikenal pasti di Kawasan PPR Hiliran Ampang, Kampung Orang Asli Ulu Kemensah, SMK Lembah Keramat, SRAI Taman Keramat, Tabika Perpaduan Sri Selangor, PPR Wangsa Sari serta PPR Desa Rejang.

Sebanyak 540 bakul makanan diperuntukkan untuk kawasan tersebut di atas. Turut sama hadir ke program pada tarikh ini adalah pengarah-pengarah cawangan di bawah seliaan Pejabat Pengarah Negeri WP Putrajaya iaitu Encik Ruslan bin Othman, Pengarah Cawangan Bangi, En Nasruddin bin Mat Nasir, Pengarah Cawangan Cheras, Puan Zalina binti Chik, Pengarah Cawangan Wangsa Maju dan Encik Mohamad Radzi bin Idris, Pengarah Cawangan Siasatan Putrajaya.

31 OGOS 2021

Hari Kebangsaan 2021 pastinya lebih bermakna kepada golongan rentan dan memerlukan di Putrajaya apabila bantuan sumbangan berbentuk Bakul Makanan telah diagihkan melalui Program CSR Hasil Prihatin LHDNM Peringkat Negeri WP Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Sebanyak 100 Bakul Makanan bersama Daging Lembu dan Dapur It'am diserahkan kepada pihak JAWI dalam Program Semarak Merdeka Putrajaya 2021 untuk diagihkan kepada penduduk-penduduk yang memerlukan melalui wakil-wakil penduduk.

YB Senator Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah berkesempatan untuk menyempurnakan program CSR yang diadakan di Masjid Mahmoodiah, Precint 18. Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Datuk Abd Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI, Encik Mohamad Fauzi bin Saat, Pengarah Negeri LHDNM WP Putrajaya serta Dr Shamsudin bin Mohamad, Pengerusi Masjid Mahmoodiah Precint 18 Putrajaya.

2 SEPTEMBER 2021

Bantuan 200 bakul makanan telah disampaikan kepada penduduk sekitar kawasan Cheras yang terkesan akibat penularan COVID-19 menerusi Program CSR Hasil Prihatin LHDNM Peringkat Negeri WP Putrajaya dengan kerjasama Cawangan Cheras. Penyerahan bakul makanan tersebut telah disampaikan oleh Encik Mohamad Fauzi bin Saat, Pengarah Negeri WP Putrajaya dalam program simbolik penyerahan di Masjid As-Sodiqin, Taman Kobena kepada wakil-wakil penduduk untuk diserahkan kepada para penerima yang telah dikenal pasti sekitar kawasan Cheras. Ini termasuk dari Program Perumahan Rakyat (PPR) Pudu Ulu, Flat Taman Kobena, Flat Taman Pertama dan Flat Sri Sabah. Turut hadir dalam program ini ialah Encik Nasruddin bin Mat Nasir, Pengarah Cawangan Cheras, Ustaz Syed Abdullah bin Syed Nordin, wakil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Tuan Haji Noor Zakri bin Nuruddin, Pengerusi Masjid As-Sodiqin.

14 SEPTEMBER 2021

Program CSR Hasil Prihatin LHDNM Peringkat Negeri WP Putrajaya oleh Cawangan Bangi telah berlangsung di Balai Raya MPKK Kampung Baru Sungai Chua dan sebanyak 220 bakul makanan telah diserahkan kepada penduduk sekitar yang terkesan akibat penularan COVID-19. Encik Mohamad Fauzi bin Saat, Pengarah Negeri WP Putrajaya, En. Ruslan Bin Othman, Pengarah Cawangan Bangi, wakil-wakil Ahli Parlimen Bangi serta pegawai-pegawai kanan Cawangan Bangi telah berkesempatan untuk beramah mesra dengan penduduk sekitar kawasan tersebut.

5. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SELANGOR

27 OGOS 2021

Program Penyerahan Sumbangan 355 Bakul Makanan yang diadakan di ruang lobi Bangunan Plaza Perangsang, Shah Alam telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, TKPE (Operasi Percukaian) dan Tn. Hj. Kamarudin bin Hashim, Pengarah LHDNM Negeri Selangor.

28 OGOS 2021

Tuan Haji Kamarudin Bin Hashim, Pengarah Negeri Selangor telah menyantuni wakil-wakil penduduk kawasan Daerah Klang, Kuala Selangor dan Kuala Langat dalam program penyerahan Bakul Makanan yang diadakan di ruang lobi First Tower Klang. Sebanyak 330 bakul makanan telah diagihkan kepada penduduk melalui wakil-wakil

mereka termasuklah kepada YBhg. Dato' Sri DiRaja Jason Lee Pei Nam yang mewakili komuniti Cina di Klang, Encik Charles Mohan A/L M. Muthiah, wakil NGO Institut Onn Jaafar dan Puan Shanthi Subarayan yang mewakili Tenaga Kerja RELA.

30 OGOS 2021

Program CSR Hasil Prihatin telah berlangsung di Tingkat 20, LHDNM Cawangan Petaling Jaya dan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Kamarudin bin Hashim, Pengarah LHDNM Negeri Selangor. Sumbangan Bakul Makanan telah diagihkan kepada wakil-wakil penduduk daripada Komuniti Flora Damansara, Komuniti Bukit Lanjan dan Komuniti PPR Kota Damansara.

6. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT WP KUALA LUMPUR

28 OGOS 2021

Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan telah dilaksanakan oleh Cawangan Kuala Lumpur Bandar kepada penduduk sekitar kawasan Bangsar Baru. Penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Pengarah LHDNM WP Kuala Lumpur, Tn. Hj. Mohamad Zain Bin Mohamad Said dengan dihadiri oleh Pengarah Cawangan Kuala Lumpur Bandar, En. Bacho Bin Abdul Karim dan Pengerusi Masjid Abu Bakar As-Siddiq iaitu Dato Salleh bin Yeop.

29 OGOS 2021

Cawangan Duta (Penggajian) telah melaksanakan Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan kepada penduduk sekitar kawasan Bandar Tasik Puteri, Batu Arang dan Taman Garing Utama, Rawang, Selangor yang terdiri dari berbilang kaum. Penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur, Tn. Hj. Mohamad Zain bin Mohamad Said dengan dihadiri oleh Pengarah Cawangan Duta (Penggajian), Pn. Suzaina binti Sopian.

4 SEPTEMBER 2021

Cawangan Tidak Bermastautin telah bekerjasama dengan pihak JAWI untuk melaksanakan Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan kepada penduduk sekitar kawasan Taman Melati, Kuala Lumpur. Penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh YB Senator Tn. Hj. Idris bin Hj. Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) diiringi oleh YBhg. Datuk Hj. Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Tn. Hj. Mohamad Zain bin Mohamad Said, Pengarah Negeri, WP Kuala Lumpur, YBhg. Datuk Roslan bin Hj. Madon, Pengerusi Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Encik Syarein Bin Abu Samah, Pengarah Cawangan

Tidak Bermastautin serta wakil-wakil penerima sumbangan.

6 SEPTEMBER 2021

Pejabat Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur dan cawangan Duta (Perniagaan) telah bekerjasama melaksanakan Program Penyerahan Sumbangan 300 Bakul Makanan di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, KPE LHDNM. Turut hadir bagi menyaksikan majlis penyerahan berkenaan ialah YBhg. Datuk Hj. Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Tn. Hj. Mohamad Zain bin Mohamad Said, Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur. Pada sebelah petang hari yang sama, satu majlis penyerahan sumbangan juga telah diadakan di Masjid Al-Islahiah, Kuang. Sebanyak 100 bakul makanan telah disampaikan kepada wakil penerima oleh Tn. Hj. Mohamad Zain bin Mohamad Said, Pengarah Negeri WP Kuala Lumpur.

7. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI JOHOR

26 OGOS 2021

Program Penyerahan Sumbangan 600 Bakul Makanan telah dianjurkan bersama oleh Pejabat Pengarah Negeri Johor, Cawangan Johor Bahru (Penggajian), Johor Bahru (Perniagaan) dan Cawangan Siasatan Johor Bahru. Penyampaian sumbangan kepada wakil penerima sumbangan telah disempurnakan oleh Pengarah Negeri dengan kehadiran Pengarah dan Timbalan Pengarah Cawangan.

29 OGOS 2021

Cawangan Muar telah menganjurkan Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan kepada penduduk yang terjejas sekitar daerah Muar dan Segamat. Program tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil penerima sumbangan dari Surau Parit Tiram, Mukim Parit Jawa, Kelab Warisan Prihatin dan Pertubuhan Kebajikan Nur Kasih, Segamat.

5 SEPTEMBER 2021

Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan telah diadakan di Menara Hasil Kluang yang disempurnakan oleh Pengarah Cawangan Kluang dengan kehadiran Pengarah Negeri Johor, En. Md Kamal bin Johan, Pengarah Seksyen Pejabat Pengarah Negeri Johor dan 16 orang wakil penerima sumbangan dari masjid dan surau sekitar daerah Kluang.

8. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI KEDAH/PERLIS

13 SEPTEMBER 2021

Sejumlah 1,250 Bakul Makanan telah disumbangkan menerusi Program CSR HASIL Prihatin ke seluruh Negeri Kedah. Proses agihan telah berjaya dilakukan melalui Pejabat Tanah & Daerah dengan kerjasama penghulu bagi penyampaian seterusnya kepada penerima yang dikenal pasti. Pelancaran program peringkat negeri telah disempurnakan oleh YB. Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang berlangsung di Pejabat Tanah & Daerah Kota Setar pada 13 September 2021.

Sementara itu, program ringkas simbolik penyerahan sumbangan juga dilakukan pada hari yang sama di Menara Hasil Cawangan Sungai Petani dan beberapa daerah iaitu Kuala Muda, Baling, Sik, Padang Serai dan Kulim Bandar Baharu. Program penyerahan ringkas juga dilakukan oleh wakil LHDNM ke beberapa daerah lain seperti Kubang Pasu, Pendang, Poko Sena, Padang Terap, Yan dan Langkawi dari tarikh tersebut dan berakhir pada 21 September 2021.

14 SEPTEMBER 2021

Program CSR HASIL Prihatin Peringkat Negeri Perlis diteruskan dengan kerjasama Pusat Khidmat Parlimen kepada 250 penerima terpilih. Simbolik penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Pengarah Negeri Kedah/Perlis di Wisma Hasil LHDNM Cawangan Kangar kepada wakil Ahli Parlimen Kangar dan pegawai khas kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, Kayang.

9. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI PAHANG

7 SEPTEMBER 2021

Program CSR HASIL Prihatin Peringkat Negeri Pahang telah dilaksanakan oleh Pejabat Pengarah Negeri dan Cawangan Kuantan di Dewan Indera Perdana, LHDNM Cawangan Kuantan. Program Penyerahan Sumbangan 449 Bakul Makanan telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Asmadi bin Abdul Rahman, TKPE (Baitulmal & Operasi) Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) kepada 10 orang wakil penerima sekitar daerah Kuantan.

Pada hari yang sama, sebanyak 110 bakul makanan diagihkan di Daerah Raub, Bentong dan Kuala Lipis dengan kerjasama Pertubuhan Amal, Jaringan Cemerlang Masyarakat Bentong dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

8 SEPTEMBER 2021

Cawangan Temerloh dengan kerjasama Masjid Taman Temerloh Jaya dan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan Penyayang Daerah Temerloh telah mengagihkan 200 bakul makanan kepada penduduk yang terjejas sekitar kawasan Temerloh dan mukim berhampiran. Sebanyak 90 Bakul Makanan lagi diagihkan kepada penduduk sekitar Cameron Highlands dan Jerantut.

10 SEPTEMBER 2021

Sebanyak 141 Bakul Makanan telah diagihkan kepada 3 buah masjid sekitar Daerah Kuantan dengan kehadiran YB Tuan Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 yang menyempurnakan penyampaian bakul makanan kepada wakil penerima yang dikenal pasti.

10. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI P.PINANG

6 SEPTEMBER 2021

Pejabat Pengarah Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Program Penyerahan Sumbangan 200 Bakul Makanan kepada penduduk sekitar Daerah Timur Laut. Penyerahan bakul makanan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip, TKPE (Pengurusan) LHDNM kepada 7 orang wakil penerima sumbangan dari Masjid Al-Bukhary, Taman Tun Sardon dan Batu Uban.

8 & 9 SEPTEMBER 2021

Cawangan Bukit Mertajam telah mengagihkan 600 bakul makanan kepada penduduk sekitar Daerah Seberang Prai Utara, Tengah dan Selatan. Penyerahan sumbangan bakul makanan telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Mohamad Zin bin Yaacob, Pengarah Cawangan Bukit Mertajam.

13 & 14 SEPTEMBER 2021

Sebanyak 200 bakul makanan telah diagihkan kepada penduduk sekitar Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Penyerahan sumbangan bakul makanan telah disempurnakan oleh Pengarah Negeri Pulau Pinang, Dato' Abdul Khalid bin Yunus kepada wakil penerima sumbangan di antaranya penarik beca, pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan.

11. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SARAWAK

6 – 10 September 2021

Pejabat Pengarah Negeri Sarawak telah bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan

Masyarakat dan Tabung Baitulmal Negeri Sarawak bagi mengenal pasti penerima sumbangan dari berbilang kaum dan bangsa. Sebanyak 400 Bakul Makanan telah diagihkan oleh Pengarah Negeri bersama Pengarah Cawangan kepada penduduk sekitar Kawasan Kuching, Serian, Samarahan dan Mukah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 195 bakul makanan telah diserahkan kepada Tabung Baitulmal Sarawak manakala 195 lagi bakul makanan diserahkan ke Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak.

7 & 8 SEPTEMBER 2021

Cawangan Miri telah melaksanakan Program CSR HASIL Prihatin dengan mengagihkan 200 bakul makanan kepada penduduk sekitar Kawasan Miri.

9 & 10 SEPTEMBER 2021

Program CSR HASIL Prihatin Peringkat Negeri Sarawak diperluaskan dengan agihan 200 bakul makanan kepada penduduk di Rumah Panjang Sibu.

10 SEPTEMBER 2021

Cawangan Bintulu telah mengagihkan sebanyak 200 bakul makanan kepada penduduk berbilang kaum sekitar Kawasan Bintulu.

12. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI TERENGGANU / KELANTAN

25 OGOS 2021

Pejabat Pengarah Negeri Terengganu/Kelantan telah melaksanakan Program CSR HASIL Prihatin dengan mengagihkan 750 Bakul Makanan yang mana 200 Bakul Makanan diagihkan kepada penduduk sekitar Setiu, Marang dan Kuala Nerus. Sebanyak 150 Bakul lagi telah diagihkan kepada penduduk dari Hulu Terengganu. Program Penyerahan Sumbangan Bakul Makanan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Jaafar bin Embong, TKPE (Pematuhan) LHDNM dan En. Kamarudzaman bin Bahrain, Pengarah Negeri Pejabat Pengarah Negeri Terengganu/ Kelantan.

26 OGOS 2021

Program CSR HASIL Prihatin Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan di Pusat Khidmat Dun Pasir Pekan, Wisma Ibadurrahman. Sebanyak 400 Bakul Makanan telah diagihkan kepada penduduk dari Tumpat dan Kuala Krai. Bakul makanan telah disampaikan secara pandu lalu oleh YAB Ustaz Dato' Hj. Ahmad bin Yakob (Dato' Bentara Kanan) Menteri Besar Kelantan bersama-

sama YBhg. Datuk Mohd Jaafar bin Embong, TKPE (Pematuhan) LHDNM dan Pengarah Negeri Terengganu/Kelantan. Turut hadir adalah Pengarah Cawangan Kota Bharu dan Pengarah Cawangan Siasatan Kota Bharu.

Cawangan Kota Bharu turut berkongsi rezeki dengan mengagihkan sebanyak 149 Bakul Makanan kepada penerima dari pelbagai kaum termasuk kaum Melayu, Cina, Siam dan Orang Asli sekitar kawasan Kota Bharu.

4 SEPTEMBER 2021

Program CSR Hasil Prihatin turut dilaksanakan di Dewan Tun Ghafar Baba, Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan, Padang Kala, Peringat. Sebanyak 201 bakul makanan telah disampaikan secara pandu lalu oleh YAB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Turut hadir pada program berkenaan ialah YBhg. Datuk Mohd Jaafar bin Embong, TKPE (Pematuhan) LHDNM, Pengarah Negeri Terengganu/Kelantan, Pengarah Cawangan Kota Bharu serta pegawai-pegawai kanan Cawangan Kota Bharu.

13. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN / MELAKA

8 SEPTEMBER 2021

Program CSR HASIL Prihatin Peringkat Negeri Melaka telah diadakan di beberapa lokasi yang berbeza iaitu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka Tengah, Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Jasin, Pusat Islam Melaka dan Menara Hasil Cawangan Melaka. Program Penyerahan Sumbangan 750 Bakul Makanan telah disempurnakan oleh Pengarah Negeri Sembilan/Melaka iaitu Pn. Zubaidah binti Hamzah.

9 & 11 SEPTEMBER 2021

Cawangan Seremban telah melaksanakan Program CSR HASIL Prihatin di beberapa lokasi yang berbeza iaitu Dewan Orang Ramai Taman Perwira Sikamat, Bilik Mesyuarat Unit Pentadbiran LHDNM Cawangan Seremban dan Balai Undang Luak Jelebu, Negeri Sembilan. Di samping itu, sejumlah 750 bakul makanan turut diagihkan kepada JKM Seremban, JKM Rembau, JKM Tampin, JKM Kuala Pilah, JKM Jempol, JKM Jekebu, Pejabat Kesihatan Kuala Pilah dan Hospital Jekebu serta Masjid-Masjid dan Rumah Ibadat di sekitarnya.

14. PROGRAM CSR HASIL PRIHATIN PERINGKAT IBU PEJABAT

24 September 2021

Program CSR Hasil Prihatin Peringkat Ibu Pejabat telah diadakan di Menara Hasil Cyberjaya di mana sebanyak 1,000 Bakul Makanan telah diagihkan kepada wakil penerima dari lima (5) buah masjid di daerah Sepang, Selangor iaitu:

- i. Masjid Taman Putra Perdana, Puchong;
- ii. Masjid Meranti, Kampung Pulau Meranti, Puchong;
- iii. Masjid Jameatus Solehah, Dengkil;
- iv. Masjid Jamek Sultan Hisamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang; dan
- v. Masjid Al-Makmur, Kg. Giching, Sepang.

Program ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Serahan Bakul Makanan tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, KPE LHDNM dan Ustaz Hazman bin Che Mohamed, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS. Turut hadir dalam program tersebut adalah Timbalan- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM serta beberapa pegawai kanan LHDNM.

YAYASAN LHDNM

Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) merupakan sebuah Syarikat Berhad menurut jaminan yang telah ditubuhkan oleh LHDNM.

Penubuhan YLHDNM ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat dan kebajikan kepada pegawai-pegawai LHDNM serta keluarga dan masyarakat setempat seperti pendidikan, kesihatan, penyelidikan, alam sekitar, sosial dan sukan.

YLHDNM ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik oleh LHDNM dalam menjalankan fungsi yang digariskan dalam Perlembagaannya.

Pada tahun 2021, YLHDNM telah melaksanakan pelbagai aktiviti melibatkan program pendidikan seperti pemberian insentif pendidikan kepada pelajar cemerlang SPM tahun 2020, pemberian Insentif Khas Pengajian Tinggi dan penajaan Biasiswa kepada 7 orang anak pegawai Hasil yang berkecukupan. Sebagai salah satu tanggungjawab sosial, YLHDNM turut sama menyumbang dalam membantu mangsa yang terlibat dalam tragedi banjir besar yang melanda negara pada bulan Disember 2021.





**Penyata Kewangan
Lembaga Hasil Dalam
Negeri Malaysia**
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2021



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 56.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533]. Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [Akta 533] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 NOVEMBER 2022



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

KANDUNGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

PENYATA ALIRAN TUNAI

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Kami, **DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON** dan **DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON
Pengerusi Lembaga
25 Mei 2022

SELANGOR



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
Anggota Lembaga
25 Mei 2022

SELANGOR

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
di Selangor
Pada 23 Mei 2022

)
)
)
)
)


MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL

Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAN



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Undang-Undang
Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai
Cyberjaya

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	KUMPULAN			LHDNM		
		31.12.2021	31.12.2020	01.01.2020	31.12.2021	31.12.2020	01.01.2020
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula	Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula	Seperti Dinyatakan Semula
ASET BUKAN SEMASA							
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,701,753,014	1,675,811,851	1,693,817,160	1,701,753,014	1,675,811,851	1,693,817,160
Aset Tak Ketara	4	65,713,006	37,828,248	18,846,031	65,713,006	37,828,248	18,846,031
Kerja Dalam Kemajuan	5	48,027,233	21,083,137	15,472,086	48,027,233	21,083,137	15,472,086
Pelaburan Entiti Dikawal	6	-	-	-	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal	7	-	-	-	-	-	29,836,357
Pelaburan Sedia Dijual		-	-	72,822,729	-	-	-
Pembiayaan Pekerja	8	861,158	936,808	1,192,458	861,158	936,808	1,192,458
		1,816,354,411	1,735,660,044	1,802,150,464	1,817,354,411	1,736,660,044	1,760,164,092
ASET SEMASA							
Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal	7	-	-	-	-	31,909,984	-
Pembiayaan Pekerja	8	825,128	858,487	969,982	825,128	858,487	969,982
Wang Cagaran dan Prabayar	9	5,289,458	5,775,976	5,326,823	5,289,458	5,775,976	5,326,823
Bayaran Pendahuluan	10	2,813,135	2,839,582	1,035,814	2,813,135	2,839,582	1,035,814
Pelbagai Penghutang	11	899,460,700	232,872,258	1,479,860	899,419,909	232,474,781	1,228,882
Tunai dan Kesetaraan Tunai	12	682,458,213	991,754,379	1,085,929,165	580,385,730	875,241,717	1,056,843,062
		1,590,846,634	1,234,100,682	1,094,741,644	1,488,733,360	1,149,100,527	1,065,404,563
JUMLAH ASET		3,407,201,045	2,969,760,726	2,896,892,108	3,306,087,771	2,885,760,571	2,825,568,655
LIABILITI BUKAN SEMASA							
Manfaat Pekerja	13	1,935,822,846	1,888,319,921	1,845,893,435	1,935,822,846	1,888,319,921	1,845,893,435
Pinjaman Berjangka	14	110,789,936	84,130,019	100,674,338	110,789,936	84,130,019	100,674,338
		2,046,612,782	1,972,449,940	1,946,567,773	2,046,612,782	1,972,449,940	1,946,567,773
LIABILITI SEMASA							
Manfaat Pekerja	13	176,502,803	146,935,221	158,029,658	176,502,803	146,935,221	158,029,658
Pinjaman Berjangka	14	17,645,019	16,544,318	16,544,318	17,645,019	16,544,318	16,544,318
Peruntukan Yuran Audit		110,000	84,400	166,800	110,000	84,400	166,800
Kumpulan Wang Pembangunan	15	78,514,978	162,502,074	217,987,800	78,514,978	162,502,074	217,987,800
Kumpulan Wang Nasional	16	30,595,950	83,341,650	-	30,595,950	83,341,650	-
Pelbagai Pemiutang	17	530,878,893	290,656,706	370,052,443	530,101,035	290,304,596	367,911,027
Deposit	18	2,756,544	3,093,760	4,093,388	2,756,544	3,093,760	4,093,388
Peruntukan Cukai	31	-	690,200	-	-	-	-
		837,004,187	703,848,329	766,874,407	836,226,329	702,806,019	764,732,991
JUMLAH LIABILITI		2,883,616,969	2,676,298,269	2,713,442,180	2,882,839,111	2,675,255,959	2,711,300,764

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	KUMPULAN			LHDNM		
		31.12.2021	31.12.2020	01.01.2020	31.12.2021	31.12.2020	01.01.2020
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula	Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula	Seperti Dinyatakan Semula
ASET BERSIH							
Kumpulan Wang Amanah	19	6,643,081	5,790,495	5,284,717	6,643,081	5,790,495	5,284,717
Kumpulan Wang Pelaburan	20	19,513,189	19,363,523	19,362,506	19,513,189	19,363,523	19,362,506
Kumpulan Wang Pinjaman	21	18,225,874	18,153,790	18,078,188	18,225,874	18,153,790	18,078,188
Rizab Penilaian Semula Pelaburan		-	-	1,820,227	-	-	-
Lebihan Terkumpul		479,201,932	250,154,649	138,904,290	378,866,516	167,196,804	71,542,480
JUMLAH ASET BERSIH		523,584,076	293,462,457	183,449,928	423,248,660	210,504,612	114,267,891
JUMLAH LIABILITI DAN ASET BERSIH		3,407,201,045	2,969,760,726	2,896,892,108	3,306,087,771	2,885,760,571	2,825,568,655

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2021	2020	2021	2020
		RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula
Hasil	22	2,813,438,514	2,403,073,509	2,813,438,514	2,403,073,509
Pendapatan Operasi Lain	23	5,173,190	7,315,208	87,688,335	9,385,697
Pendapatan Daripada Pelaburan dan Pinjaman	24	24,998,626	67,351,660	24,034,549	49,372,299
		2,843,610,330	2,477,740,377	2,925,161,398	2,461,831,505
Kos Pekerja	25	(1,840,667,682)	(1,614,133,817)	(1,840,667,682)	(1,614,133,817)
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	(70,721,708)	(62,151,093)	(70,721,708)	(62,151,093)
Susut Nilai/ Rosot Nilai Aset Tak Ketara	4	(24,817,997)	(15,544,650)	(24,817,997)	(15,544,650)
Perbelanjaan Operasi Lain	26	(673,986,034)	(671,605,468)	(772,914,673)	(670,162,604)
Kos Kewangan	27	(3,295,290)	(3,602,620)	(3,295,290)	(3,602,620)
		(2,613,488,711)	(2,367,037,648)	(2,712,417,350)	(2,365,594,784)
Lebihan Sebelum Cukai		230,121,619	110,702,729	212,744,048	96,236,721
Percukaian	31	-	(690,200)	-	-
Lebihan Tahun Semasa		230,121,619	110,012,529	212,744,048	96,236,721

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pelaburan	Kumpulan Wang Pinjaman	Rizab Penilaian Semula Pelaburan	Lebihan Terkumpul	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN							
Baki pada 1 Januari 2020		5,284,717	19,362,506	18,078,188	1,820,227	424,014,301	468,559,939
- Seperti Dinyatakan Terdahulu							
Pelarasan Tahun Sebelum	36	-	-	-	-	(285,110,011)	(285,110,011)
Baki pada 1 Januari 2020		5,284,717	19,362,506	18,078,188	1,820,227	138,904,290	183,449,928
- Seperti Dinyatakan Semula							
Lebihan Tahun Semasa		505,778	1,017	75,602	-	70,984,660	71,567,057
Pelarasan Tahun Sebelum	36	-	-	-	-	38,445,472	38,445,472
Pelupusan Pelaburan Sedia Dijual		-	-	-	(1,820,227)	1,820,227	-
Baki pada 31 Disember 2020		5,790,495	19,363,523	18,153,790	-	250,154,649	293,462,457
Lebihan Tahun Semasa		852,586	149,666	72,084	-	229,047,283	230,121,619
Baki pada 31 Disember 2021		6,643,081	19,513,189	18,225,874	-	479,201,932	523,584,076
LHDNM							
Baki pada 1 Januari 2020		5,284,717	19,362,506	18,078,188	-	356,652,491	399,377,902
- Seperti Dinyatakan Terdahulu							
Pelarasan Tahun Sebelum	36	-	-	-	-	(285,110,011)	(285,110,011)
Baki pada 1 Januari 2020		5,284,717	19,362,506	18,078,188	-	71,542,480	114,267,891
- Seperti Dinyatakan Semula							
Lebihan Tahun Semasa		505,778	1,017	75,602	-	57,208,852	57,791,249
Pelarasan Tahun Sebelum	36	-	-	-	-	38,445,472	38,445,472
Baki pada 31 Disember 2020		5,790,495	19,363,523	18,153,790	-	167,196,804	210,504,612
Lebihan Tahun Semasa		852,586	149,666	72,084	-	211,669,712	212,744,048
Baki pada 31 Disember 2021		6,643,081	19,513,189	18,225,874	-	378,866,516	423,248,660

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2021	2020	2021	2020
		RM	RM	RM	RM
			Seperti Dinyatakan Semula		Seperti Dinyatakan Semula
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Lebih Sebelum Cukai		230,121,619	110,702,729	212,744,048	96,236,721
Pelarasan Item Bukan Tunai dan Bukan Operasi:					
Pendapatan dari Pelaburan dan Pinjaman		(24,998,626)	(51,677,632)	(24,034,549)	(49,372,299)
Pendapatan dari Pembiayaan Kepada Entiti Dikawal		-	-	(461,777)	(2,073,627)
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan		(59,142,200)	(64,038,050)	(59,142,200)	(64,038,050)
Pelunasan Geran Khas Kumpulan Wang Pembangunan		(83,987,096)	(55,485,726)	(83,987,096)	(55,485,726)
(Untung)/ Rugi Pelupusan Aset		2,746,932	(332,106)	2,746,932	(332,106)
Kos Kewangan		3,295,290	3,602,620	3,295,290	3,602,620
Peruntukan Manfaat Pekerja		193,090,525	189,361,707	193,090,525	189,361,707
Peruntukan Kos Pekerja		456,392,700	246,664,539	456,392,700	246,664,539
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		70,721,708	62,151,093	70,721,708	62,151,093
Susutnilai Aset Tak Ketara		24,817,997	15,544,650	24,817,997	15,544,650
Sumbangan Berbentuk Aset		(7,204,440)	(6,476,098)	(7,204,440)	(6,476,098)
Pelarasan Bukan Tunai (Aset)		3,281	47,349	3,281	47,349
Pelarasan / Pengelasan Semula Aset		(1,629,056)	(4,976,618)	(1,629,056)	(4,976,618)
Keuntungan Atas Penyelesaian Awal Pinjaman		-	-	(67,628,239)	-
Keuntungan Pelupusan Pelaburan Sedia Dijual		-	(15,674,028)	-	-
Pembiayaan Pekerja Dihapuskira		16,521	132,476	16,521	132,476
Perubahan Sebelum Modal Kerja		804,245,155	429,546,905	719,741,645	430,986,631
Perubahan Pembiayaan Pekerja		92,488	234,669	92,488	234,669
Perubahan Pelbagai Penghutang, Wang Cagaran dan Bayaran Pendahuluan		(654,836,851)	(232,282,956)	(654,860,034)	(232,533,934)
Perubahan Pelbagai Pemiutang, Peruntukan dan Deposit		(237,902,209)	(327,142,304)	(238,327,957)	(325,352,998)
Perubahan Manfaat Pekerja		(116,020,018)	(158,029,658)	(116,020,018)	(158,029,658)
Perubahan Bersih Kumpulan Wang Nasional		(60,069,200)	83,341,650	(60,069,200)	83,341,650
Pembayaran Cukai		(690,200)	-	-	-
Aliran Tunai Bersih (Digunakan Untuk) Aktiviti Operasi		(265,180,835)	(204,331,694)	(349,443,076)	(201,353,640)

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2021	2020	2021	2020
		RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Penambahan Hartanah, Loji dan Peralatan		(86,230,564)	(31,565,594)	(86,230,564)	(31,565,594)
Penambahan Aset Tak Ketara		(27,297,937)	(29,550,250)	(27,297,937)	(29,550,250)
Penambahan Kerja Dalam Kemajuan		(35,888,482)	(11,809,519)	(35,888,482)	(11,809,519)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		610,624	379,134	610,624	379,134
Pendapatan Dari Pelaburan Diterima		21,083,500	50,315,269	19,785,920	48,407,413
Penjualan/ (Pembelian) Pelaburan Sedia Dijual		-	88,496,757	-	-
Terimaan Daripada Penyelesaian Awal Pinjaman		-	-	100,000,000	-
Aliran Tunai Bersih (Digunakan Untuk) / Dijana Dari Aktiviti Pelaburan		(127,722,859)	66,265,797	(29,020,439)	(24,138,816)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan Diterima		59,142,200	64,038,050	59,142,200	64,038,050
Faedah Dibayar		(3,295,290)	(3,602,620)	(3,295,290)	(3,602,620)
Perubahan Bersih Pinjaman Berjangka		27,760,618	(16,544,319)	27,760,618	(16,544,319)
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan		83,607,528	43,891,111	83,607,528	43,891,111
(Pengurangan) Bersih Tunai		(309,296,166)	(94,174,786)	(294,855,987)	(181,601,345)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		991,754,379	1,085,929,165	875,241,717	1,056,843,062
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	12	682,458,213	991,754,379	580,385,730	875,241,717

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	AMAUN BAJET		AMAUN SEBENAR	VARIAN *	
	Asal	Akhir		RM	%
	RM	RM	RM		
TERIMAAN					
Fi Agensi	2,661,595,000	2,661,595,000	2,666,031,476	(4,436,476)	(0.17)
Pemberian Dari Kerajaan Persekutuan (BSHR)	70,000,000	70,000,000	50,000,000	20,000,000	28.57
Pemberian Dari Kerajaan Persekutuan (PDBPB)	10,000,000	10,000,000	5,000,000	5,000,000	50.00
Hasil Pelaburan	18,000,000	18,000,000	19,962,540	(1,962,540)	(10.90)
Peruntukan Perbelanjaan Modal	175,933,900	175,933,900	127,105,012	48,828,888	27.75
Bayaran Balik Pinjaman Yayasan LHDNM	-	100,000,000	100,000,000	-	-
JUMLAH TERIMAAN	2,935,528,900	3,035,528,900	2,968,099,028	67,429,872	2.22
PERBELANJAAN OPERASI					
Emolumen	1,503,422,120	1,633,830,070	1,600,064,609	33,765,461	2.07
Perkhidmatan dan Bekalan	508,379,160	464,480,310	407,490,984	56,989,326	12.27
Aset	1,200,000	1,400,000	1,345,518	54,482	3.89
Pemberian dan Bayaran Tetap	161,598,660	264,241,160	227,344,470	36,896,690	13.96
Bayaran Lain	45,823,760	42,591,760	42,354,710	237,050	0.56
Jumlah Perbelanjaan Operasi	2,220,423,700	2,406,543,300	2,278,600,291	127,943,009	5.32
PERBELANJAAN MODAL					
Projek Bangunan Pejabat	17,460,000	17,460,000	3,001,729	14,458,271	82.81
Projek Sistem Pengkomputeran	158,473,900	158,473,900	124,103,283	34,370,617	21.69
Jumlah Perbelanjaan Modal	175,933,900	175,933,900	127,105,012	48,828,888	27.75
BANTUAN SARA HIDUP RAKYAT (BSHR)					
Emolumen	33,000,000	33,000,000	29,856,475	3,143,525	9.53
Selain Emolumen	37,000,000	37,000,000	7,296,614	29,703,386	80.28
Jumlah Perbelanjaan BSHR	70,000,000	70,000,000	37,153,089	32,846,911	46.92
PEMBERIAN DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PDBPB)					
Emolumen	5,000,000	5,000,000	272,027	4,727,973	94.56
Selain Emolumen	5,000,000	5,000,000	6,846	4,993,154	99.86
Jumlah Perbelanjaan PDBPB	10,000,000	10,000,000	278,873	9,721,127	97.21
JUMLAH PERBELANJAAN	2,476,357,600	2,662,477,200	2,443,137,265	219,339,935	8.24
LEBIHAN	459,171,300	373,051,700	524,961,763	(151,910,063)	(40.72)

*Varian merujuk kepada perbezaan di antara amaun bajet akhir dan amaun bajet sebenar

Nota-nota di muka surat 131 hingga 177 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

i) Perbezaan Di Antara Bajet Asal Dan Bajet Akhir

- a) Peningkatan di dalam jumlah bajet akhir melibatkan kenaikan di dalam unjuran perbelanjaan emolumen berikutan pengambilan perjawatan baharu dan ianya diimbangi dengan penurunan di dalam unjuran perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan.

ii) Justifikasi Ke Atas Varian Yang Signifikan

- a) Projek Bangunan Pejabat dan Projek Sistem Pengkomputeran

Perbelanjaan bagi projek bangunan pejabat dan projek sistem pengkomputeran telah diunjurkan semula kerana terdapat keperluan pelarasan semula pelaksanaan projek-projek pada tahun 2021. Perbelanjaan yang telah dibuat adalah berdasarkan perkhidmatan dan bekalan yang telah diterima dengan sempurna sahaja.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT AM

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM adalah ejen kepada Kerajaan yang memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai-cukai lain.

Alamat Ibu Pejabat LHDNM adalah di Menara Hasil, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 25 Mei 2022.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan

i) Penyataan Pematuhan

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Penyata Kewangan Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Syarikat 2016.

ii) Asas Penyatuan

Penyediaan penyatuan Penyata Kewangan bagi Kumpulan telah mengambilkira semua pelarasan MFRS dan IFRS kepada MPSAS.

Penyata Kewangan yang disatukan adalah merangkumi Penyata Kewangan LHDNM dan entiti yang dikawalinya apabila LHDNM mempunyai kawalan. Kawalan wujud apabila LHDNM mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Penyata Kewangan entiti dikawal disatukan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh LHDNM berhenti mengawalinya. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan entiti dikawal dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan entiti dikawal.

Semua transaksi dan baki sesama Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapuskan di dalam Penyata Kewangan disatukan.

Penyata Kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusan niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

iii) Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting. Manakala bagi penyediaan Penyata Kewangan YLHDNM telah disediakan menggunakan asas kos sejarah kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

iv) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata Kewangan Kumpulan dan LHDNM dilaporkan dalam Mata Wang Fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan dan LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan yang dinyatakan, dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

v) Piawaian Yang Telah Dikeluarkan Tetapi Belum Berkuat Kuasa

Tiada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa dan diguna pakai awal oleh Kumpulan dan LHDNM di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM2,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun, peralatan seperti permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

Sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos di bawah RM2,000 dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

Hartanah, Loji dan Peralatan pada awalnya direkod pada kos dan ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul (jika ada).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Jika suatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan kepada nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut yang mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti terlebih dahulu sehingga syarat-syarat tersebut dipenuhi.

